

YAYASAN
SELANGOR

YAYASAN
SELANGOR



PENDIDIKAN UNGGUL : MENGUPAYA INSAN, MEREALISASI WAWASAN

LAPORAN TAHUNAN

20
20

YAYASAN
SELANGOR

YAYASAN
SELANGOR

PENDIDIKAN UNGGUL:
**MENGUPAYA INSAN
MEREALISASI WAWASAN**

SELANGOR

SELANGOR

YAYASAN
SELANGOR

YAYASAN
SELANGOR

YAYASAN
SELANGOR

YAYASAN
SELANGOR

YAYASAN
SELANGOR

YAYASAN
SELANGOR

YAYASAN
SELANGOR





YAYASAN
SELANGOR

YAYASAN
SELANGOR

YAYASAN SELANGOR

PENDIDIKAN UNGGUL:
MENGUPAYA
INSAN, MEREALISASI
WAWASAN

APA ISI DI DALAM

YAYASAN
SELANGOR

YAYASAN
SELANGOR

YAYASAN
SELANGOR

Bab 1

06

NUKILAN PENA Pengerusi

Bab 3

34

PROGRAM YAYASAN SELANGOR

Bab 5

88

SETENGAH ABAD
MENGUPAYA INSAN

YAYASAN
SELANGOR

YAYASAN
SELANGOR

YAYASAN
SELANGOR

TENTANG KAMI

- 06** Nukilan Pena Pengerusi
- 10** Perutusan Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Selangor
- 12** Tentang Yayasan Selangor, Misi, Visi dan Sejarah dll.

1

PROGRAM YAYASAN SELANGOR

- 34** Program oleh Yayasan Selangor

3

WAJAH-WAJAH DI SEBALIK

YAYASAN SELANGOR

- 26** Ahli Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Selangor
- 27** Ahli Jawatankuasa Pengurusan Yayasan Selangor
- 27** Ahli Jawatankuasa Pendidikan & Pembangunan Insan Yayasan Selangor
- 28** Ahli Jawatankuasa Pengurusan Risiko Yayasan Selangor
- 28** Ahli Jawatankuasa Lembaga Tender Yayasan Selangor
- 29** Carta Organisasi Yayasan Selangor 2020

2

PENTADBIRAN YAYASAN SELANGOR

- 74** Sumber Manusia
- 81** Program Audit pada tahun 2020
- 84** Penyelarasan Perkhidmatan Kualiti Yayasan Selangor
- 85** Pengurusan & Pembangunan Hartanah
- 86** Pengurusan Aset

4

SETENGAH ABAD MENGUPAYA INSAN

- 88** Kompilasi Perutusan Pengerusi
- 90** 4 Tokoh Alumni Yayasan Selangor
- 92** Liputan Media

5

RASIONAL MUKA DEPAN



**Pendidikan Unggul:
Mengupaya Insan,
Merealisesi Wawasan**

Bab 1

10

PERUTUSAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF YAYASAN SELANGOR

Bab 2

26

WAJAH-WAJAH DI SEBALIK YAYASAN SELANGOR

Bab 4

74

PENTADBIRAN YAYASAN SELANGOR



TENTANG LAPORAN INI

Laporan Tahunan ini memberikan gambaran menyeluruh tentang prestasi, organisasi dan program Yayasan Selangor pada tahun 2020 serta tinjauan kami untuk tahun 2021.

Di sebalik wabak Covid-19 global, tumpuan utama tidak beralih kerana Yayasan Selangor terus komited untuk memastikan keselamatan, kesihatan pelajar dan kakitangan.

Beberapa inisiatif baharu telah diperkenalkan. Inisiatif dan program ini adalah untuk meningkatkan lagi potensi dan kemahiran pelajar tajaan Yayasan Selangor serta meningkatkan lagi kualiti dan pencapaian pelajar di bawah Yayasan Selangor.

Selain itu, laporan itu juga membentangkan penyata kewangan Yayasan Selangor yang telah diaudit.



1



TENTANG KAMI

Bab

NUKILAN PENA Pengerusi

ASSALAMUALAIKUM

WARAHMATULLAHI

WABARAKATUH DAN

SALAM SEJAHTERA,

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT, atas izin dan inayahNya dapat saya memberi sepatah dua kata di dalam Buku Laporan Tahunan 2020 Yayasan Selangor ini. Saya sebagai Dato' Menteri Besar Selangor, dan atas jawatan ini telah diamanahkan untuk menjadi Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Selangor sejak Jun 2018 sepertimana yang termaktub di dalam Memorandum dan Artikel penubuhan Yayasan Selangor yang diluluskan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia.

Sebagai Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Selangor, selain mempengerusikan Mesyuarat, saya bersama ahli-ahli Lembaga Pemegang Amanah, bertanggung jawab untuk menentukan hal tuju dan memantau perjalanan operasi Yayasan Selangor agar sentiasa berada di landasan objektif yang betul serta mengamalkan tadbir urus yang baik.

Yayasan Selangor yang ditubuhkan sejak 50 tahun yang lalu dengan objektif untuk memberi bantuan dan galakan dalam bidang pendidikan kepada rakyat negeri Selangor akan terus fokus melaksanakan tugas dan tanggung jawabnya mengupaya insan, merealisasi wawasan.

PADA TAHUN 2020, USIA YAYASAN SELANGOR MENGINJAK KE ANGKA 50 TAHUN PADA 5 NOVEMBER 2020. DALAM USIA SEPARUH ABAD INI, SEHARUSNYA BANYAK PENGALAMAN DAN RENTETAN CATATAN SEJARAH YANG DICIPTA OLEH YAYASAN SELANGOR.



Sepanjang 50 tahun penubuhannya, pelbagai kejayaan telah diraih oleh Yayasan Selangor khasnya dalam usaha mengupaya insan melalui pendidikan. Ianya dapat dilihat dengan kejayaan para alumni Yayasan Selangor yang kini menerajui beberapa badan korporat, pakar perubatan, akauntan, jurutera, teknokrat dan sebagainya. Selain itu, Yayasan Selangor juga telah berjaya merintis penubuhan beberapa institusi pendidikan dan kemahiran di Selangor samada Kolej mahupun Universiti yang telah mengeluarkan ribuan tenaga mahir dan professional di negeri Selangor.

Pada tahun 2020, usia Yayasan Selangor menginjak ke angka 50 tahun pada 5 November 2020. Dalam usia separuh abad ini, seharusnya banyak pengalaman dan rentetan catatan sejarah yang dicipta oleh Yayasan Selangor. Dengan pengalaman dan reputasi seharusnya Yayasan Selangor cukup kuat untuk meneruskan usaha dan azamnya untuk terus mengupaya insan demi merealisasikan wawasan negeri dan negara.



NUKILAN PENA Pengerusi



Pada tahun 2021, Yayasan Selangor seharusnya melangkah dengan lebih yakin dan padu untuk meneruskan agendanya mengupanya insan dalam bidang pendidikan dengan memperkenalkan program-program baharu.

Tahun 2020 merupakan tahun yang sangat mencabar bukan sahaja kepada Yayasan Selangor, malahan kepada seluruh negeri, negara dan seluruh dunia akibat penularan pandemik Covid19. Apabila Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dikuatkuasakan mulai 18 Mac 2020 untuk menyekat penularan pandemik Covid19, banyak aktiviti pendidikan dan ekonomi tidak berjalan seperti biasa. Murid-murid sekolah tidak dapat belajar di sekolah dan ini boleh menjejaskan proses pendidikan mereka. Justeru itu, di dalam Pakej Rangsangan Selangor Prihatin (Fasa 2) melalui Yayasan Selangor kita telah memperkenalkan pembelajaran secara dalam talian atau 'e-learning' melalui portal Selangor Tutor yang diperkenalkan sejak April 2020. Dengan pelaksanaan 'e-learning'

melalui Selangor Tutor ini, murid-murid di Selangor yang tidak dapat bersekolah dan belajar secara bersemuka dengan guru, telah dapat meneruskan pembelajaran mereka dalam norma baharu Pendidikan. Hampir 100 ribu murid di Selangor telah menggunakan portal Selangor Tutor dan lebih 3 juta soalan dan 600 ribu latihan telah dijawab oleh murid-murid.

Yayasan Selangor yang beroperasi dengan menjana dana sendiri dan tidak mendapat apa-apa geran daripada kerajaan juga menghadapi cabaran ekonomi akibat pandemik ini. Walau bagaimanapun, kebajikan murid-murid tajaan dan juga warga kerja sentiasa menjadi keutamaan Yayasan Selangor. Dalam kegetiran ekonomi yang dihadapi, alhamdulillah, Yayasan Selangor dapat membiaya semua program dan bantuan pendidikan yang menjadi tanggung jawabnya dan terus mengekalkan kemudahan serta faedah kepada warga kerjanya.

Selain itu, sebagai sebuah korporat prihatin, Yayasan Selangor juga telah melaksanakan potongan kadar sewa dan penangguhan bayaran kepada para penyewa premis Yayasan Selangor khasnya di kalangan pengusaha IKS yang terjejas akibat pandemik. Yayasan Selangor juga memberi penangguhan bayaran balik pinjaman pelajaran kepada para peminjam yang terjejas.



Yayasan Selangor juga pada tahun 2020 telah banyak menyelesaikan isu-isu tadbir urusnya yang tertunggak, antaranya yang penting dan dapat diselesaikan adalah Penyata Kewangan Tahunan Beraudit Yayasan Selangor sejak tahun 2016 dan beberapa isu pendaftaran syarikat di Suruhanjaya Syarikat Malaysia yang telah berjaya disempurnakan mengikut peraturan dan undang-undang yang ditetapkan. Melalui reformasi dan transformasi tadbir urus korporat yang dilaksanakan oleh Pengurusan Yayasan Selangor yang baharu telah banyak membantu meletakkan Yayasan Selangor kembali ke landasan yang betul agar dapat melaksanakan lebih banyak bantuan dan program pendidikan di masa-masa akan datang.

Pada tahun 2021 dan tahun-tahun yang akan datang, dengan tadbir urus korporat yang telah ditambah baik, Yayasan Selangor seharusnya melangkah dengan lebih yakin dan padu untuk meneruskan agendanya mengupanya insan dalam bidang pendidikan dengan memperkenalkan program-program baharu. Kejayaan 50 tahun yang lalu seharusnya dilonjakkan dengan lebih baik lagi pada 50 tahun atau 100 tahun ke hadapan. Saya difahamkan bahawa pihak Pengurusan Yayasan Selangor sedang menjalinkan rundingan untuk mengadakan kerjasama pendidikan dengan beberapa agensi kerajaan dan swasta yang akan memberi nilai tambah kepada program pendidikan sedia ada, dan ini adalah suatu usaha yang amat baik dalam Yayasan Selangor meraikan sambutan ulangtahun ke-50 nya pada tahun

2020 ini. Oleh kerana kekangan pandemik pada tahun 2020, kerjasama pendidikan ini akan diperkemas dan dimeterai pada tahun 2021 sebagai suatu agenda penting Yayasan Selangor yang akan datang.

Pada tahun akan datang, sebagai Pengerusi, saya ingin melihat usaha-usaha penambah baik dalam bidang pendidikan dan tadbir urus Yayasan Selangor akan terus diperkasakan. Yayasan Selangor sebagai salah sebuah agensi Kerajaan Negeri Selangor yang terpenting khasnya dalam menyediakan modal insan yang berkeupayaan untuk mengisi pembangunan negeri dan negara di masa hadapan perlulah sentiasa siap siaga menghadapi apa jua cabaran yang mendatang.

Saya menyeru kepada semua warga kerja Yayasan Selangor agar terus membulatkan tekad, mengamalkan tadbir urus korporat yang baik, berintegriti tinggi dalam melaksanakan tugas dan tanggung jawab, sentiasa fokus dengan objektif yang ditetapkan dan akhirnya bersama-sama Kerajaan Negeri Selangor dalam wawasan Selangor Negeri Maju Pintar Serantau 2025.

Sekian, terima kasih.

DATO' SERI AMIRUDIN BIN SHARI

Pengerusi

Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Selangor

PERUTUSAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF YAYASAN SELANGOR

ASSALAMUALAIKUM

WARAHMATULLAHI

WABARAKATUH DAN

SALAM SEJAHTERA,

Semenjak saya memegang tampuk kepimpinan sebagai Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Selangor dua tahun yang lalu, pelbagai peristiwa penting telah berlaku.

Beberapa pembaharuan dasar dan penambahbaikan polisi telah diperkenalkan. Antaranya adalah pengamalan tadbir urus korporat yang baik seperti yang digariskan dalam Pelan Tindakan Strategik Yayasan Selangor yang diperkenalkan. Melalui pembaharuan dasar ini, Yayasan Selangor kekal komited untuk menyediakan pembiayaan yang mencukupi untuk membiayai program-program pendidikan yang merupakan objektif dan fokus utamanya.

Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Selangor telah meluluskan Pelan Tindakan Strategik ini pada 19 Disember 2019 dan mula dilaksanakan pada tahun 2020. Ia disasarkan untuk meningkatkan pencapaian dan imej organisasi.

Pelan tindakan yang dirangka untuk menjadikan Yayasan Selangor lebih baik melalui penambahbaikan beberapa aspek tertentu. Aspek pertama dalam pelan tindakan itu adalah untuk menstruktur semula organisasi terma rujukannya. Kedua, ia juga akan mengkaji untuk menambah baik prosedur kendalian standard (SOP), tadbir urus korporat, pengurusan risiko, dan pelan luar jangka. Akhir sekali, kami akan berusaha untuk meningkatkan kecekapan operasi pengurusan dan memastikan kemampunan kewangan.

Memandangkan Yayasan Selangor genap 50 tahun pada tahun ini, kami terus komited dengan misi kami untuk mewujudkan infrastruktur pendidikan yang cemerlang, yang akan melahirkan generasi masa depan yang ideal dan menyeluruh. Objektif "Menjana Dana, Mengenalpasti Kumpulan Sasaran, dan Membiayai Pendidikan Untuk Semua" menjadi tunjang menyokong usaha ini.

PROGRAM PENDIDIKAN YANG MEMATUHI NORMA BAHARU BOLEH DILAKSANAKAN, TERUTAMANYA DALAM SITUASI PANDEMIK YANG BERTERUSAN.

Yayasan Selangor, sebagai sebuah organisasi bukan berasaskan keuntungan yang menjana pendapatan sendiri dan tidak bergantung kepada geran kerajaan, mesti mengamalkan tadbir urus korporat yang baik, mengurus asetnya dengan berkesan dan berintegriti. Matlamat utama Yayasan Selangor adalah untuk menyediakan perkhidmatan pendidikan yang unggul kepada rakyat Selangor.

Tahun 2020 dilalui dengan penuh cabaran bukan sahaja untuk Yayasan Selangor, malahan kebanyakan organisasi di Malaysia dan seluruh dunia. Perkhidmatan Yayasan Selangor turut terjejas akibat pandemik global, COVID-19. Pelbagai inisiatif pendidikan yang dirancang tidak dapat dilaksanakan berikutan penularan wabak dan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada tahun 2020. Walau bagaimanapun, semasa pandemik, keselamatan dan kesihatan pelajar serta warga kerja menjadi penekanan utama operasi Yayasan Selangor.

Banyak aktiviti tergendala akibat sekatan pergerakan. Sebaliknya, Yayasan Selangor menggunakan ini sebagai peluang untuk bermuhasabah dan memperkukuhkan tadbir urusnya. Yayasan Selangor pada tahun 2020 telah berjaya menyelesaikan isu-isu tertunggak berkaitan ketidakpatuhan tadbir urus korporat yang berlarutan sejak beberapa tahun sebelumnya. Antara pencapaian utama adalah penyediaan Penyata Kewangan Beraudit dari 2016 hingga 2019 yang diluluskan pada Mesyuarat Agung Tahunan, diikuti dengan pematuhan kepada undang-undang dan peraturan yang digariskan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) dan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM). Tahun 2020 merupakan tahun untuk Yayasan Selangor melaksanakan pembersihan dalaman dan 'reset' organisasi sebelum melakukan transformasi untuk menjadi Yayasan yang lebih mampan.

Di samping itu, program pendidikan yang mematuhi norma baharu boleh dilaksanakan, terutamanya dalam situasi pandemik yang berterusan.

Yayasan Selangor terus berfungsi dalam norma baharu, memandangkan beberapa pembaharuan operasi dan tadbir urus korporat sedang dibuat mengikut Pelan Tindakan Strategik.

Seterusnya, memandangkan pendidikan merupakan aktiviti teras utama Yayasan Selangor, pelbagai inisiatif baharu telah diperkenalkan dan sedang dilaksanakan. Beberapa kerjasama pendidikan telah dirancang dan dirundingkan dengan pelbagai agensi awam, swasta dan pertubuhan bukan kerajaan bagi meningkatkan lagi potensi dan kemahiran pelajar tajaan Yayasan Selangor demi meningkatkan mutu dan pencapaian pelajar serta perkhidmatan pendidikan yang disediakan oleh Yayasan Selangor.

Yayasan Selangor, dengan kerjasama Kerajaan Negeri Selangor, telah membangunkan program e-pembelajaran Selangor Tutor, yang boleh digunakan oleh pelajar yang tidak dapat menghadiri kelas bersemuka akibat penutupan sekolah kerana pandemik.

Kerjasama pendidikan telah dirundingkan dengan pelbagai organisasi antaranya Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pendidikan Negeri Selangor, Majlis Amanah Rakyat (MARA), Yayasan Peneraju Pendidikan Bumiputera, Yayasan Raja Muda Selangor, Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor (PPAS), UNISEL, KUIS dan beberapa agensi lain, yang akan menjadi titik permulaan kepada reformasi program pendidikan Yayasan Selangor selaras dengan kemajuan teknologi IR4.0.

Menutup tahun 2020, terdapat beberapa perkara penting yang harus kita teliti. Isu ekonomi dan mengamalkan tadbir urus korporat yang berkesan, adalah masalah yang pada pendapat saya, harus diberi penekanan dan perhatian yang lebih pada tahun hadapan. Untuk menawarkan pulangan optimum kepada Yayasan Selangor, kita harus memperkemaskan lagi pengurusan aset hartanah. Selain itu, pengaktifan semula Tabung Pendidikan Yayasan Selangor boleh membantu dalam pembiayaan program pendidikan melalui sokongan dan kerjasama rakan strategik, khususnya dalam kalangan syarikat korporat di Selangor.

Dengan pengenalan idea-idea baharu, saya pasti Yayasan Selangor akan terus dapat menawarkan bantuan pendidikan. Usaha berterusan untuk menyusun dan menjadi lebih sistematik akan membantu Yayasan Selangor mencapai matlamatnya dan menjadi peneraju utama dalam menyediakan perkhidmatan pendidikan yang berkualiti.



Saya beriltizam agar Yayasan Selangor akan terus mengorak langkah ke hadapan dan terus memperkasakan sektor pendidikan demi melahirkan generasi individu yang berkualiti khususnya di Selangor dan Malaysia amnya. Yayasan Selangor akan terus bergerak memberikan perkhidmatan pendidikan yang unggul, mengupaya insan demi merealisasikan wawasan.

EDDIE ADRIANTO BIN AHMAD KHODZALI FCMA CGMA
Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Selangor

PROFIL KORPORAT

YAYASAN SELANGOR TELAH DIPERBADANANKAN DI BAWAH AKTA SYARIKAT 1965 SYARIKAT BERHAD MENURUT JAMINAN (COMPANY LIMITED BY GUARANTEE). YAYASAN SELANGOR YANG DITUBUHKAN PADA 5 NOVEMBER 1970 TANPA MODAL SAHAM MERUPAKAN SEBUAH AGENSI KERAJAAN NEGERI SELANGOR YANG BERTANGGUNGJAWAB SEPENUHNYA DALAM BIDANG PEMBANGUNAN PENDIDIKAN NEGERI SELANGOR.

SEHINGGA KINI, YAYASAN SELANGOR MASIH MENGEKALKAN TRADISI SEBAGAI AGENSI KERAJAAN NEGERI SELANGOR YANG BERTANGGUNGJAWAB MEMBERI PELUANG PENDIDIKAN KEPADA SEMUA LAPISAN MASYARAKAT DAN SENTIASA BERGERAK MAJU KE ARAH MEMARTABATKAN PENDIDIKAN NEGERI SELANGOR.



VISI

MENYEDIAKAN PRASARANA PENDIDIKAN YANG EFEKTIF
DALAM MEMBENTUK GENERASI INSAN KAMIL

MISI

MENJANA DANA
MENGENAL PASTI KUMPULAN SASAR
MEMBIAYAI PENDIDIKAN UNTUK SEMUA

MOTTO

PENDIDIKAN UNGGUL:
MENGUPAYA INSAN,
MEREALISASI WAWASAN

FALSAFAH KORPORAT

Sebagai sebuah agensi Kerajaan Negeri Selangor yang dinamik dan bertanggungjawab khususnya dalam bidang pendidikan, Yayasan Selangor sentiasa berusaha untuk terus maju dan memakmurkan Negeri Selangor menerusi pembangunan program pendidikan sepanjang hayat serta kegiatan yang memberi faedah kepada semua lapisan masyarakat khususnya di Negeri Selangor dan Negara amnya, di samping menyumbang ke arah pembentukan masyarakat yang mempunyai keseimbangan aspek fizikal dan rohani.

MAKLUMAT SYARIKAT YAYASAN SELANGOR

PEJABAT BERDAFTAR

YAYASAN SELANGOR
18th floor,
Menara Yayasan Selangor
No. 18A, Jalan Persiaran Barat
46000 Petaling Jaya
Selangor Darul Ehsan

JURUAUDIT

**MNZ WAJ ASSOCIATES
(A : 001959)**
Akauntan Bertauliah (Malaysia)
No. 28A, Wisma Waja
Jalan Kota Raja, E27/E
Hicom Town Centre, Seksyen 27
40400 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan

BANK BERDAFTAR

CIMB Bank Berhad
Malayan Banking Berhad
Ambank Berhad

SEJARAH YAYASAN SELANGOR




PENGASAS YAYASAN SELANGOR



Allahyarham Dato' Seri Harun Idris, Menteri Besar Selangor yang kelapan merupakan pengasas dan pengerusi pertama Yayasan Selangor.

Beliau seorang pemimpin yang berpandangan jauh dan mempunyai kesedaran yang tinggi tentang kepentingan ilmu. Menurut beliau, ilmu akan membantu membebaskan masyarakat daripada belenggu kesusahan dan kemiskinan. Hasil kesedaran inilah tertubuhnya Yayasan Selangor yang telah didaftarkan secara rasmi di bawah Akta Syarikat 1965 sebagai sebuah syarikat berhad menurut jaminan pada 5 November 1970.



1970

PENUBUHAN YAYASAN SELANGOR

Kepentingan pendidikan kepada generasi akan datang amatlah kritikal khususnya untuk merapatkan jurang pendidikan antara penduduk luar bandar dengan penduduk bandar. Pelajar luar bandar patut diberi peluang untuk belajar di sekolah dengan fasiliti terbaik di bandar yang sebelum ini hanya dinikmati penduduk di bandar dan elit. Fokus Dato' Seri Harun Idris pada tahun-tahun awal penubuhan Yayasan Selangor adalah untuk mengurangkan jurang ini dan melahirkan pelajar yang berpendidikan menyeluruh dengan penekanan diberikan kepada mata pelajaran Sains dan Matematik.

Berkat usaha gigih Dato' Seri Harun Idris, pada 27 Mei 1971, Yayasan Selangor telah berjaya membuka rasmi Asrama Dr. Latiff yang menempatkan pelajar dari seluruh Selangor. Asrama itu dinamakan sempena nama Dr Latiff, iaitu doktor perubatan moden Melayu yang pertama. Nama tokoh ini adalah pilihan tepat selaras matlamat untuk melahirkan dan menyediakan pelajar Yayasan Selangor dengan latar belakang yang kukuh dalam bidang Sains dan Matematik.

SEJARAH YAYASAN SELANGOR

1971

ASRAMA DR LATIFF, JALAN GURNEY, KUALA LUMPUR

Asrama ini mula dibina pada awal tahun 1970an di Persiaran Gurney, Kuala Lumpur, dan merupakan asrama terulung Yayasan Selangor. Asrama ini dinamakan sempena nama seorang doktor perubatan moden Melayu pertama, Tan Sri Dato' Dr. Abdul Latiff bin Abdul Razak yang berasal dari Pasir Penambang, Kuala Selangor. Nama Dr Latiff dipilih untuk memberi inspirasi kepada pelajar untuk bekerja keras dan bersungguh-sungguh untuk mencapai impian mereka dan mencapai kejayaan.



Asrama Dr Latiff telah dibuka secara rasmi oleh Allahyarham Dato' Harun Idris pada 27 Mei 1971 dan menempatkan pelajar sekolah Victoria Institution, St. John's Institution dan Methodist Boys' School, Kuala Lumpur.

1975

PENEMPATAN PELAJAR DI ASRAMA TUN DR ISMAIL & ASRAMA TOH PUAN NORASHIKIN, KG. PANDAN, KUALA LUMPUR

Asrama Tun Dr Ismail dan Asrama Toh Puan Norashikin mula dibina pada tahun 1973 dan siap pada tahun 1975. Asrama yang dinamakan sempena nama Timbalan Perdana Menteri Malaysia Kedua dan isterinya ini masing-masing terletak di Jalan Nakhoda Yusof dan di Jalan Jarret yang berdekatan.

Pengambilan murid ke dua-dua asrama ini telah memberi lebih peluang kepada anak-anak Selangor mendapatkan pendidikan lebih baik di sekolah terbaik di Kuala Lumpur dan Petaling Jaya.



Murid-murid yang tinggal di asrama ini bersekolah di sekolah terpilih seperti SMK Victoria, SMK St. John, SMK (L) Methodist, SMK Convent Bukit Nenas, SMK Aminudin Baki, SMK Jln Cochrane di Kuala Lumpur, SMK (P) Sri Aman, SMK (P) Assunta, SMK (L) Bukit Bintang dan SMK La Salle di Petaling Jaya.



1984

PEMBIAYAAN PENDIDIKAN PELAJAR INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI


Dalam usaha memperkasakan perkhidmatannya, pada tahun 1984, Yayasan Selangor mula membiayai pelajar tajaan yang meneruskan pengajian di institusi pengajian tinggi awam (IPTA). Yayasan Selangor pada ketika itu bukan sahaja memberi kemudahan asrama kepada pelajar-pelajar tajaan Yayasan Selangor dibawah Program Rancangan Khas Pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia dan Yayasan Selangor, malahan turut memberi Biasiswa dan selanjutnya menyediakan kemudahan pembiayaan kepada pelajar-pelajar yang melanjutkan pengajian ke institut pengajian tinggi.



1986

PROGRAM HIPERS (HIGH PERFORMANCE RURAL SCHOOLS)

Program HIPERS (High Performance Rural School) telah mula diperkenalkan pada tahun 1986. Program HIPERS telah dilaksanakan di 10 buah sekolah rendah di Negeri Selangor. Objektif utama program itu diadakan adalah untuk meningkatkan pencapaian murid luar bandar dalam Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR). Program ini berjaya melonjakkan pencapaian pelajar dan sekolah serta meningkatkan prestasi pelajar luar bandar yang menduduki UPSR.



SEJARAH YAYASAN SELANGOR

1988

PENEMPATAN PELAJAR DI ASRAMA YS KLANG DAN ASRAMA DAERAH (SMDH, SMKTD, SMKSAAS, SMKKKB) – RKPYS

Sebelum pembukaan asrama pelajar Asrama Yayasan Selangor Klang (AYSK), Yayasan Selangor telah menempatkan pelajarannya di dua buah sekolah di daerah Klang iaitu di SMK Tengku Ampuan Rahimah dan SMK Tinggi Klang. Pada tahun 1988, Yayasan Selangor mula menempatkan pelajar Tingkatan 1 di Asrama Yayasan Selangor Klang (AYSK), di samping memindahkan pelajar tajaan Yayasan yang sebelum ini ditempatkan di SMK Tengku Ampuan Rahimah dan SMK Tinggi Klang ke asrama ini.



Pada tahun 1988 juga, Yayasan Selangor mula menempatkan pelajar tajaannya di empat buah sekolah berasrama iaitu Sekolah Menengah Dato' Harun (Tanjung Karang), Sekolah Menengah Telok Datok, Sekolah Menengah Sultan Abdul Aziz Shah (Kajang) dan Sekolah Menengah Kuala Kubu Bharu. Sekolah-sekolah ini dikategorikan sebagai asrama daerah.

Pelajar di AYSK juga ditempatkan di pelbagai sekolah di Klang, iaitu SMK Tinggi Klang, SMK La Salle, SMK Methodist dan SMK Convent. Penempatan pelajar di sekolah-sekolah ini dilakukan dengan tujuan meningkatkan penguasaan Bahasa Inggeris pelajar tajaan Yayasan Selangor. Kemudahan yang disediakan di AYSK ialah dua blok asrama untuk pelajar lelaki dan perempuan, dewan makan, surau, dewan, makmal sains, kelas persediaan dan kemudahan sukan seperti gelanggang skuasy, gelanggang badminton dan gelanggang bola jaring. Yayasan Selangor juga turut menyediakan bas dan van sebagai kemudahan pengangkutan untuk membawa pelajar ke sekolah. Asrama ini dapat memuatkan sehingga 350 orang pelajar.



1992

YAYASAN SELANGOR MENGAMBIL ALIH PENGURUSAN KEM BINA SEMANGAT DI KUALA KUBU BHARU

Yayasan Selangor seterusnya mengembangkan lagi program pendidikan yang menekankan pembangunan sahsiah insan dengan mengambil alih pengurusan Kem Bina Semangat di Ampang Pecah, Kuala Kubu Bharu, daripada Kerajaan Negeri Selangor.

Kem yang terletak 65 km dari Kuala Lumpur ini sangat sesuai untuk aktiviti latihan kerana terletak dalam persekitaran yang aman dan indah di tebing Sungai Selangor dalam kawasan berbukit-bukau yang menghijau





1993

PENUBUHAN KOLEJ INPENS

Yayasan Selangor meneruskan usaha untuk memenuhi visinya dalam bidang pendidikan melalui penubuhan Kolej INPENS, dengan tujuan melahirkan tenaga kerja yang berkemahiran tinggi dan celik teknologi.

Kolej INPENS yang menawarkan program kemahiran selaras dengan perkembangan teknologi IR4.0 telah berjaya menempatkan kedudukannya sebagai antara institusi latihan kemahiran terunggul di Negeri Selangor dan kini beroperasi di Kuala Selangor.



1994

PENEMPATAN PELAJAR DI ASRAMA YS SABAK BERNAM

Asrama Yayasan Selangor Sabak Bernam (AYSSB) telah mula beroperasi pada tahun 1994 dan dirasmikan pada Majlis Sambutan Jubli Perak Yayasan Selangor pada tahun 1995.

Asrama ini mula beroperasi dengan kapasiti 100 orang pelajar dan menempatkan hanya pelajar putera SMK Ungku Aziz dan SMK Tunku Abdul Rahman yang kedua-duanya terletak di daerah Sabak Bernam.



1995

PENGAMBILAN PELAJAR DI ASRAMA DAERAH SMKDU – RKPYS

Pada tahun 1995, Yayasan Selangor meningkatkan lagi pengambilan pelajar di Asrama Daerah melalui penempatan pelajar di Sekolah Menengah Kebangsaan Damansara Utama menerusi Rancangan Khas Pendidikan Yayasan Selangor.



SEJARAH YAYASAN SELANGOR



1998

PROGRAM PEKA 21 (KECEMERLANGAN ABAD KE-21) - 50 BUAH SEKOLAH DI SELANGOR

Program PEKA 21 merupakan transformasi penambah baikan program HIPERS yang diadakan sebelum tahun 1998. Program PEKA 21 dilancarkan bagi meningkatkan lagi kecemerlangan akademik pelajar dan seterusnya meluaskan skop program tersebut ke 50 buah sekolah di negeri Selangor.

1999

PENUBUHAN PUSAT LATIHAN KEMAHIRAN YS (PLKYS) DI KUALA SELANGOR

Pusat Latihan Kemahiran ini telah melahirkan belia-belia berkemahiran yang mampu memberikan perkhidmatan juruelektik kompeten di seluruh negara.

Kursus sepenuh masa yang ditawarkan di institut ini ialah Kursus Pendawaian Elektrik Satu Fasa (PW2) dan Kursus Teknologi Penyejukan dan Penyamanan Udara, manakala Kursus Pendawaian Tiga Fasa (PW4) dilaksanakan secara separuh masa.



2008

6 SEKOLAH AGAMA BANTUAN KERAJAAN SERTA RANCANGAN KHAS PENDIDIKAN YAYASAN SELANGOR (RKPYS)

Rancangan Khas Pendidikan Yayasan Selangor (RKPYS) merupakan program utama pendidikan Yayasan Selangor.

Pada tahun 2008, Yayasan Selangor meningkatkan penglibatannya melalui peluasan RKPYS kepada enam lagi sekolah agama bantuan kerajaan (SABK) yang dimasukkan di bawah program ini.



2013

MAAHAD TAHFIZ SAINS & TEKNOLOGI JAIS SERTA RANCANGAN KHAS PENDIDIKAN YAYASAN SELANGOR (RKPYS)

Program Rancangan Khas Pendidikan Yayasan Selangor menambahkan lagi bilangan pelajar tajaannya dengan penyertaan Maahad Tahfiz Sains & Teknologi di bawah kelolaan JAIS.

Selain pengajian akademik, Yayasan Selangor turut mengutamakan ilmu agama dalam kalangan pelajarannya.



2014

PELANCARAN SEMULA PROGRAM HIPERS

Program HIPERS dilancarkan semula untuk membantu lebih ramai pelajar di Selangor dari segi pendidikan pada tahun 2014. Program ini dilaksanakan di 10 buah sekolah rendah dan 10 buah sekolah menengah di Negeri Selangor.



Para peserta terdiri daripada murid Tahun 6 dan Tingkatan 5. Objektif program ini adalah untuk melonjakkan pencapaian murid luar bandar/pinggir bandar yang berpotensi supaya dapat melanjutkan pelajaran ke sekolah terpilih seperti SBP, MRSM dan sekolah kluster (bagi lepasan UPSR) dan seterusnya melanjutkan pelajaran ke institusi pengajian tinggi dan atau pusat kemahiran tinggi selepas menduduki peperiksaan SPM.

Program ini memberikan impak positif kepada pelajar dan sekolah khususnya dari segi peningkatan 'band' serta disokong oleh JPN Selangor. Bilangan pelajar dijangka akan bertambah setiap tahun untuk memberikan peluang kepada lebih ramai lagi pelajar.

2017

TUITION ONLINE – TUISYEN DALAM TALIAN PERCUMA

Program tuisyen dalam talian percuma "Tuition Online" merupakan produk pendidikan yang mula diperkenalkan atas inisiatif bersama dengan Kerajaan Negeri Selangor bagi memastikan peningkatan taraf pendidikan di negeri Selangor. Yayasan Selangor dilantik sebagai agensi pelaksana untuk menguruskan program ini bersama-sama Kerajaan Negeri.

Selain video pembelajaran berasaskan topik bagi setiap mata pelajaran, aplikasi ini turut menawarkan soalan latihan berasaskan topik untuk meningkatkan lagi kefahaman pelajar.



Pelajar boleh mengikuti pelajaran dengan mudah di mana-mana sahaja, pada bila-bila masa, melalui telefon pintar atau apa-apa peranti lain.



SEJARAH YAYASAN SELANGOR

2020

ULANGTAHUN KE-50 YAYASAN SELANGOR

Melalui agenda digitalisasi dengan penekanan menggerakkan ekonomi secara holistik menerusi transformasi sistem perkhidmatan, sosial, perniagaan dan keusahawanan, penciptaan nilai serta bidang seni kreatif, Yayasan Selangor sedia untuk menyahut cabaran dan saranan ini dengan menyediakan program-program pendidikan khusus untuk melahirkan modal insan berkemahiran tinggi dan mesra teknologi.

Selain ilmu kemahiran, nilai integriti dan etika juga amat penting dan akan diterapkan ke dalam jiwa pelajar-pelajar kami supaya modal insan yang dilahirkan nanti bukan sahaja berkemahiran tinggi tetapi mempunyai nilai-nilai etika dan integriti yang terpuji.

Usaha Yayasan Selangor tidak terhenti kepada program-program pendidikan legasi sahaja, malahan pasca 50 tahun Yayasan Selangor, pelbagai program pendidikan lain telah dirancang untuk dilaksanakan dengan mengadakan kerjasama pintar dengan agensi kerajaan dan swasta.



Antaranya seperti kerjasama program pendidikan bagi pembelajaran revolusi industri 4.0, kemahiran perakaunan professional, pembudayaan pembelajaran secara dalam talian atau e-kelas, penambahbaikan penajaan murid-murid termasuk penajaan murid- murid di sekolah menengah yang lebih baik dan juga beberapa sekolah antarabangsa terpilih.

Selain itu, pelajar-pelajar tajaan Yayasan Selangor di peringkat IPT pula akan diberi ilmu kemahiran tambah nilai dengan program-program "internship" dan "skill enhancement" serta lain-lain kemahiran yang membolehkan pelajar ini bersedia untuk pasaran kerja apabila mereka tamat pengajian di IPT nanti.

"BEGITULAH PERANAN YAYASAN SELANGOR SEBAGAI SALAH SATU AGENSI KERAJAAN NEGERI SELANGOR UNTUK MEMBANTU KERAJAAN NEGERI MENCAPAI VISI. YAYASAN SELANGOR MERUPAKAN SEBUAH AGENSI YANG SINONIM DENGAN PENDIDIKAN SEJAK AWAL PENUBUHAN DAN PENUBUHANNYA. DENGAN BERKESAN DAN CEKAP."

Y.A.B. Dato' Seri Amirudin Shari
Pengerusi Yayasan Selangor



SAMBUTAN YS50

SANTAI BERSAMA PENERUSI YAYASAN SELANGOR
MENARA YAYASAN SELANGOR
15 JANUARI 2020

Antara objektif pelaksanaan program tersebut adalah bagi memberi peluang kepada warga kerja Yayasan Selangor untuk mendengar amanat, berkongsi visi dan misi YAB Dato' Menteri Besar Selangor berkenaan hala tuju negeri Selangor dan Yayasan Selangor disamping dapat berkongsi pandangan dan idea dalam memajukan organisasi.



SEJARAH YAYASAN SELANGOR

PELANCARAN LOGO YS50

MENARA YAYASAN SELANGOR
15 JANUARI 2020

Menteri Besar Selangor melancarkan logo rasmi Sambutan Jubli Emas Yayasan Selangor (YS50) dengan menandatangani plak perasmian pada sesi Santai Bersama Pengerusi Yayasan Selangor yang diadakan pada 15 Januari 2020.

PELANCARAN MOTTO BAHARU YS

MENARA YAYASAN SELANGOR
15 JANUARI 2020

Menteri Besar Selangor turut menyempurnakan pelancaran motto rasmi baharu Yayasan Selangor iaitu, "Pendidikan Unggul: Mengupaya Insan, Merealisasi Wawasan" dalam sesi Santai Bersama Pengerusi Yayasan Selangor pada 15 Januari 2020.



2



**WAJAH-WAJAH DI SEBALIK
YAYASAN SELANGOR**

Bab

AHLI LEMBAGA PEMEGANG AMANAH YAYASAN SELANGOR



PENGERUSI

1. Y.A.B. DATO' SERI AMIRUDIN BIN SHARI
Dato' Menteri Besar Selangor

TIMBALAN PENERUSI

2. Y.B. DATO' MOHD AMIN BIN AHMAD AHYA
Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor

AHLI LEMBAGA

3. Y.B. DATO' NOR AZMIE BIN DIRON
Pegawai Kewangan Negeri Selangor

4. ENCIK EDDIE ADRIANTO BIN AHMAD KHODZALI
Ketua Pegawai Eksekutif, Yayasan Selangor

5. TUAN HAJI IZMI BIN HAJI ISMAIL
Pengarah, Jabatan Pendidikan Negeri Selangor

6. PUAN DR. MAHANOM BINTI MAT SOM
Pengarah, Jabatan Pendidikan Negeri Selangor
(Tamat pada 27 Mac 2020)

7. PUAN MAZNAH BINTI ABU BAKAR
Ketua Bahagian Sumber dan Teknologi Pendidikan (BSTP)

AHLI JAWATANKUASA PENGURUSAN YAYASAN SELANGOR



PENGERUSI

- 1. Y.B. DATO' MOHD AMIN BIN AHMAD AHYA**
Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor

AHLI JAWATANKUASA

- 2. Y.B. DATO' NOR AZMIE BIN DIRON**
Pegawai Kewangan Negeri Selangor
- 3. YBHG. DATO' HJ. ZAMANI AHMAD BIN MANSOR**
Timbalan Setiausaha Kerajaan, Selangor
(Pengurusan)
- 4. ENCIK EDDIE ADRIANTO
BIN AHMAD KHODZALI**
Ketua Pegawai Eksekutif, Yayasan Selangor

AHLI JAWATANKUASA PENDIDIKAN & PEMBANGUNAN INSAN YAYASAN SELANGOR



PENGERUSI

- 1. Y.A.B. DATO' SERI AMIRUDIN BIN SHARI**
Dato' Menteri Besar Selangor

AHLI JAWATANKUASA

- 2. ENCIK EDDIE ADRIANTO
BIN AHMAD KHODZALI**
Ketua Pegawai Eksekutif, Yayasan Selangor
- 3. TUAN HAJI IZMI BIN HAJI ISMAIL**
Pengarah, Jabatan Pendidikan Negeri Selangor
- 4. PUAN DR. MAHANOM BINTI MAT SOM**
Pengarah, Jabatan Pendidikan Negeri Selangor
(Tamat pada 27 Mac 2020)
- 5. PUAN MAZNAH BINTI ABU BAKAR**
Ketua Bahagian Sumber dan Teknologi
Pendidikan (BSTP)

AHLI JAWATANKUASA PENGURUSAN RISIKO YAYASAN SELANGOR



PENGERUSI

- 1. Y.B. DATO' NOR AZMIE BIN DIRON**
Pegawai Kewangan Negeri Selangor

AHLI JAWATANKUASA

- 2. TUAN DR. SHAHRIL BIN BAHARIM**
Bendahari Negeri Selangor

- 3. ENCIK ANUWAR BIN ASMUNI**
Ketua Audit Dalam Negeri Selangor

- 4. TUAN HAJI ANAS BIN SULAIMAN**
Ketua, Kluster Pentadbiran Menteri Besar Incorporated (MBI) Selangor

- 5. PUAN HAJAH S. NORMALIS ABD SAMAD**
Pengurus Integriti dan Risiko

AHLI JAWATANKUASA LEMBAGA TENDER YAYASAN SELANGOR



PENGERUSI

- 1. Y.B. DATO' NOR AZMIE BIN DIRON**
Pegawai Kewangan Negeri Selangor

AHLI JAWATANKUASA

- 2. ENCIK EDDIE ADRIANTO BIN AHMAD KHODZALI**
Ketua Pegawai Eksekutif, Yayasan Selangor


- 3. TUAN HAJI IZMI BIN HAJI ISMAIL**
Pengarah, Jabatan Pendidikan Negeri Selangor

- 4. PUAN DR. MAHANOM BINTI MAT SOM**
Pengarah, Jabatan Pendidikan Negeri Selangor (Tamat pada 27 Mac 2020)

- 5. PUAN MAZNAH BINTI ABU BAKAR**
Ketua Bahagian Sumber dan Teknologi Pendidikan (BSTP)

CARTA ORGANISASI INDUK YAYASAN SELANGOR 2020

* BERKUATKUASA 1 JANUARI 2020





PIHAK PENGURUSAN
YAYASAN SELANGOR



**From left (Sitting)**

Puan Hajah Rosmaria Hani binti Maarof , Puan Zahura binti Zakry,
Encik Eddie Adrianto bin Ahmad Khodzali, Encik Zaini bin Sulaiman, Encik Zamzuri bin Ja'afar.

From left (Standing)

Puan Norlinda binti Nasruddin, Encik Khairul Nizam bin Abu Bakar, Puan Norazah binti Asari,
Encik Muhamad Nazri bin Mustapa, Puan Qhairawani Asyrani binti Ruslan,
Encik Mohd Ali bin Ithnin, Puan Anizan Binti Ibrahim, Encik Abdul Halim bin Abdul Hafiz,
Puan Manisah binti Othman, Encik Syaifuddin bin Mohamed Razif, Encik Mohd Jamil bin Idris.

PIHAK PENGURUSAN YAYASAN SELANGOR



Encik Eddie Adrianto bin Ahmad Khodzali
KETUA PEGAWAI
EKSEKUTIF



Puan Zahura binti Zakry
Pengarah Kanan
Pendidikan



Puan Hajah Rosmaria Hani binti Maarof
Pengurus Hal Ehwal Pelajar



Encik Mohd Ali bin Ithnin
Pengurus Pembiayaan
Pendidikan



Encik Zaini bin Sulaiman
Pengurus Komunikasi



Encik Zamzuri bin Ja'afar
Pengurus Sumber Manusia
& IT



Encik Abdul Halim bin Abdul Hafiz
Pengurus Perolehan



Puan Norhafizah Binti Badrun
Pengurus Kewangan
(Berkhidmat sehingga 10
Disember 2020)



Encik Mohd Jamil bin Idris
Pengurus Pembangunan
Harta



Puan Qhairawani Asyrani binti Ruslan
Pengurus Undang-Undang
& Setiausaha Syarikat



Puan Norazah binti Asari
Pengurus Pengurusan
Asrama



Puan Anizan binti Ibrahim
Pengurus Pentadbiran



Encik Muhamad Nazri bin Mustapa
Pengurus Kem Bina
Semangat



Puan Norlinda binti Nasruddin
Ketua Unit Audit Dalam



Encik Mohamad Fauzi bin Ismail
Ketua Unit Integriti



Encik Khairul Nizam bin Abu Bakar
Ketua Unit Pengurusan
Kemudahan



Encik Suhaimi bin Sulaiman
Ketua Unit Perkhidmatan
Kualiti



Allahyarham Encik Norhisamshah bin Kamaruddin
Pengurus Pengurusan Harta
(Allahyarham berkhidmat
sehingga 18 Julai 2021)

3



PROGRAM YAYASAN SELANGOR

Bab

PELAN TINDAKAN STRATEGIK

YAYASAN SELANGOR

STRATEGIK

TERAS UTAMA

Syarat Penstrukturan dan Rujukan Organisasi

Penambahbaikan dalam Pengurusan dan Prosedur Operasi Standard (SOP), Pentadbiran Korporat, Pengurusan Risiko dan Kontinjensi untuk Jabatan dan Unit

Penambahbaikan dalam Operasi Pengurusan

Pengambilan – Latihan – Pengekalan – Ganjaran
Pentadbiran, Penambahbaikan Skim Perkhidmatan Yayasan Selangor 2017

Meneliti kerjasama dengan Rakan Kongsi Strategik untuk keseluruhan operasi dan pentadbiran:

- a. Hartanah
- b. Kem Bina Semangat

Kemampuan Kewangan - Hartanah, Kawalan Kos, Pelaburan





TERAS UTAMA: PENDIDIKAN

Pendidikan merupakan aktiviti teras utama Yayasan Selangor. Yayasan komited untuk menganjurkan dan membiayai program pendidikan berkualiti sesuai dengan keperluan pendidikan semasa sejak penubuhannya, iaitu suatu usaha berterusan sehingga kini.

Program pendidikan di peringkat sekolah (rendah dan menengah) yang menjadi fokus utama Yayasan Selangor dalam pendidikan ialah:

- ~ Program Rancangan Pendidikan Khas Kementerian Pendidikan dan Yayasan Selangor (RKPYS).
- ~ Program 'HIPERS

Yayasan Selangor turut memberikan biasiswa kepada pelajar tajaan YS yang memenuhi kriteria keperluan, serta menyediakan pinjaman pelajaran boleh ubah kepada pelajar di institusi pengajian tinggi (IPT) dalam negara, terutamanya bagi pelajar daripada keluarga berpendapatan rendah.

Selaras dengan visi dan misi Yayasan Selangor, Pelan Pendidikan Strategik Yayasan Selangor 2021 sedang



dirangka untuk dibawa ke Mesyuarat Jawatankuasa Pendidikan dan Pembangunan Insan (JKPPI) bagi merencana penambahbaikan seterusnya, agar Yayasan Selangor dapat meneruskan visi dan misi untuk menyediakan perkhidmatan pendidikan yang efektif dan relevan dengan situasi semasa, demi matlamat melahirkan generasi insan kamil.

Pelan Pendidikan Strategik Yayasan Selangor 2021 telah menetapkan teras yang akan menjadi rujukan utama dari segi pendidikan. Setiap teras diukur melalui pencapaian mengikut sasaran dan strategi yang telah ditetapkan.

PELAN TINDAKAN STRATEGIK



YAYASAN SELANGOR AKTIVITI PENDIDIKAN SEDIA ADA

Peningkatan pengambilan pelajar tajaan Yayasan Selangor melalui Rancangan Pendidikan Khas Kementerian Pendidikan Malaysia dengan kerjasama Yayasan Selangor (RKPYS) dan Program "High Potential Students" (HIPERS).




MENGIMBAS KEMBALI TAHUN 2020

PENDAFTARAN PELAJAR

Murid tajaan Yayasan Selangor yang berdaftar berjumlah 3,335 orang.

TABURAN ENROLMEN MURID




MENGIMBAS KEMBALI TAHUN 2020

PENCAPAIAN AKADEMIK


Dari 18 Mac 2020 hingga Julai 2020 dan 9 September hingga 31 Disember 2020, semua sekolah di seluruh negara telah ditutup akibat pandemik COVID-19. Oleh itu, sesi pengajaran dan pembelajaran tidak dapat dijalankan secara bersemuka dan hanya diadakan secara maya. Sekolah juga tidak dapat mengadakan peperiksaan seperti peperiksaan pertengahan tahun dan akhir tahun pada tahun 2020. Oleh itu, pencapaian pelajar Tingkatan 1 hingga Tingkatan 5 tidak dapat diukur berdasarkan keputusan peperiksaan seperti yang dilakukan sebelum ini. Hal ini secara langsung memberi kesan pada KPI asrama Yayasan Selangor, iaitu KPI asrama tidak dapat dicapai.

Berikutan penularan penyakit COVID-19 pada tahun 2020, beberapa peperiksaan awam seperti Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) dan Pentaksiran Tingkatan Tiga (PT3) telah dimansuhkan.

SPM2019 HIPERS: PENCAPAIAN MENGIKUT BILANGAN A



SPM2019 RKPYS: PENCAPAIAN MENGIKUT BILANGAN A



PENTAKSIRAN TINGKATAN TIGA (PT3) TAHUN 2019

Pada tahun 2019, seramai 34 pelajar di asrama pusat telah menduduki Pentaksiran Tingkatan Tiga (PT3). Pusat Asrama mensasarkan 80% pelajar mencapai 5A atau lebih. Jadual di bawah menunjukkan pencapaian pelajar yang menduduki PT3 di asrama pusat bagi tahun 2019.

Bil.A	AYSK		AYSSB		Jumlah keseluruhan & Peratus
	Bil Pelajar	%	Bil Pelajar	%	
10A	0	0	0	0	0 (0.0%)
9A	1	4.0	0	0	1(2.9%)
8A	3	12.0	0	0	3(8.8%)
7A	1	4.0	0	0	1(2.9%)
6A	3	12.0	2	22.2	5(14.7%)
5A	3	12.0	2	22.2	5(14.7%)
4A	4	16.0	4	44.4	8(23.5%)
3A	7	28.0	0	0	7(20.6%)
2A	2	8.0	1	11.1	3(8.8%)
1A	1	4.0	0	0	1(2.9%)
0A	0	0	0	0	0(0.0%)
Jumlah	25	100.0	9	100.0	34(100.0%)

Jadual 4 : Analisis Keputusan Pentaksiran Tingkatan Tiga (PT3) 2019 Asrama Pusat

Jadual 4 di atas menunjukkan bahawa bilangan pelajar yang memperoleh sekurang-kurangnya lima A atau lebih di AYSK berjumlah sebanyak 11 orang pelajar, iaitu 44.0 peratus daripada jumlah keseluruhan pelajar Tingkatan 3 di AYSK. Di AYSSB, seramai empat orang pelajar mencapai lima atau lebih gred A, iaitu sebanyak 44.4 peratus daripada jumlah calon yang menduduki peperiksaan.





MENGIMBAS KEMBALI TAHUN 2020

Bil. As	AYSK		AYSSB	
	≥ 5A	<5A	≥ 5A	<5A
2019	11	14	4	5
	44.0 %	56.0 %	44.4 %	55.6%
	GPA = 1.89		GPA = 1.82	
2018	17	22	21	6
	43.6 %	56.4 %	77.8%	22.2%
	GPA =1.95		GPA = 1.98	

Jadual 5: Analisis Perbandingan Pencapaian Penilaian Tingkatan Tiga (PT3) di Asrama Pusat bagi tahun 2018 dan 2019

Berdasarkan analisis perbandingan antara pencapaian tahun 2018 dan 2019 di atas, pencapaian pelajar di AYSK meningkat sebanyak 0.4 peratus pada tahun 2019 berbanding tahun 2018, manakala pencapaian di AYSSB menurun sebanyak 33.4 peratus berbanding tahun 2018.



DATA PERBANDINGAN PENCAPAIAN PELAJAR YANG MENGAMBIL SIJIL PELAJARAN MALAYSIA PADA TAHUN 2019 DAN 2020 (PELAJAR RANCANGAN KHAS PENDIDIKAN YAYASAN SELANGOR – KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA)

Pelajar Tingkatan 5 Rancangan Pendidikan Khas (RKPYS) terdiri daripada pelajar dari pelbagai aliran seperti aliran sains tulen, sains sosial, sains agama dan sebagainya yang mengambil mata pelajaran berikut:

Mata Pelajaran Wajib:

- ~ Bahasa Melayu
- ~ Bahasa Inggeris
- ~ Matematik
- ~ Sejarah

Mata Pelajaran Elektif (Aliran Sains):


- ~ Matematik Tambahan
- ~ Fizik
- ~ Kimia
- ~ Biologi

Mata Pelajaran Elektif (Aliran Sains Sosial):

- ~ Perakaunan
- ~ Ekonomi
- ~ Perdagangan
- ~ Sains Komputer
- ~ Sains
- ~ Sains Tambahan
- ~ Pendidikan Seni Visual
- ~ Grafik Komunikasi Teknikal

Mata Pelajaran Elektif (Bahasa / Agama):

- ~ Pendidikan Islam
- ~ Pengajian Al-Quran dan Al-Sunnah
- ~ Pengajian Shariah Islamiah
- ~ Tasawwur Islam
- ~ Bahasa Arab
- ~ Bahasa Cina
- ~ Bahasa Tamil
- ~ Kesusasteraan Tamil
- ~ Pendidikan Moral



MENGIMBAS KEMBALI TAHUN 2020

Pelajar yang mengambil peperiksaan SPM dinilai mengikut sistem penilaian berikut:

Gred	Tafsiran	Justifikasi
A+	Cemerlang Tertinggi	Lulus
A	Cemerlang Tertinggi	Lulus
A-	Cemerlang	Lulus
B+	Kepujian Tertinggi	Lulus
B	Kepujian Tinggi	Lulus
C+	Kepujian Atas	Lulus
C	Kepujian	Lulus
D	Lulus Atas	Lulus
E	Lulus	Lulus
G	Gagal	Fail
TH	Tidak Hadir	Gagal

Petunjuk Prestasi Utama (KPI) yang disasarkan untuk pelajar RKPYS adalah supaya 60 peratus calon mencapai keputusan sekurang-kurangnya 5A dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia.

Maklumat calon yang menduduki SPM pada tahun 2019 dan 2020 adalah seperti berikut:

Bil.	Jenis Pelajar	2019		2020	
		Bil.	%	Bil.	%
1	Asrama Pusat	54	9.3%	34	6.6%
2	Asrama Daerah	138	23.8%	116	22.5%
3	Asrama Aliran Agama	329	56.6%	311	60.3%
4	Sekolah Harian	60	10.3%	55	10.7%
Jumlah		581	100%	516	100%

LAPORAN


Perbandingan pencapaian KPI bagi tahun 2019 dan 2020 adalah seperti berikut:

Pencapaian KPI	2019		2020	
	Bil.	%	Bil.	%
KPI Tercapai	348	60%	322	62%
KPI Tidak Tercapai	233	40%	194	38%
Jumlah	581	100%	516	100%

Analisis pencapaian pelajar dalam peperiksaan SPM berdasarkan bilangan gred A yang diperoleh pada tahun 2019 dan 2020:

Bil. A Dicapai	2019		2020	
	Bilangan	%	Bilangan	%
11A	18	3.1%	13	2.5%
10A	28	4.8%	30	5.8%
9A	51	8.8%	26	5.0%
8A	49	8.4%	50	9.7%
7A	61	10.5%	42	8.1%
6A	67	11.5%	68	13.2%
5A	74	12.7%	93	18.0%
4A	85	14.6%	71	13.8%
3A	56	9.6%	57	11.0%
2A	52	9.0%	44	8.5%
1A	31	5.3%	15	2.9%
0A	9	1.6%	7	1.4%
Jumlah	581	100%	516	100%

PENCAPAIAN SPM BAGI TAHUN 2019 DAN 2020 MENGIKUT BILANGAN A RANCANGAN KHAS PENDIDIKAN YAYASAN SELANGOR



SENARAI PELAJAR CEMERLANG YAYASAN SELANGOR TAHUN 2020



PELAJAR TERBAIK (ALIRAN KEBANGSAAN) DALAM PEPERIKSAAN SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2020 RANCANGAN PENDIDIKAN KHAS KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA - YAYASAN SELANGOR

VITHIYARUPAN A/L NANTHAKUMARAN
KEPUTUSAN SPM: 9A (6A+ 3A)
SMK JALAN EMPAT

Setelah memperoleh keputusan 5A dalam Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR), Vithiyarupan menyambung persekolahannya di SMK Jalan Empat dari Tingkatan 1. Vithiyarupan terus mencatat pencapaian cemerlang dalam bidang akademik apabila memperoleh 9A dalam peperiksaan SPM pada tahun 2020. Kini, Vithiyarupan telah berdaftar sebagai pelajar di sebuah pusat matrikulasi di Banting dalam jurusan sains tulen dan sedang berusaha untuk mencapai cita-citanya menjadi doktor. Pada masa lapang, Vithiyarupan gemar bermain bola sepak dan terlibat dalam Persatuan Bulan Sabit Merah. Moto peribadinya ialah 'Usaha Mengatasi Bakat'.



PELAJAR TERBAIK (ALIRAN AGAMA) DALAM PEPERIKSAAN PELAJARAN SIJIL MALAYSIA 2020 RANCANGAN PENDIDIKAN KHAS KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA - YAYASAN SELANGOR

NAZIF ADNIN BIN NOOR MAISAM
KEPUTUSAN SPM: 11A (7A+ 4A)
MAAHAD INTEGRASI TAHFIZ SELANGOR SEPANG

Anak ketiga daripada lima beradik, Nazif Adnin mendapat pendidikan awal di SRAI Bandar Baru Bangi. Setelah memperoleh 5A dalam UPSR, Nazif kemudiannya melanjutkan pelajaran di Maahad Integrasi Tahfiz Selangor, Sepang dari Tingkatan 1. Hasil daripada keputusan cemerlang 11A yang dicapai dalam peperiksaan SPM 2020, Nazif ditawarkan untuk melanjutkan pelajaran di Taylor's University Lakeside Campus dalam kursus persediaan untuk Program Ijazah Amerika di bawah program Penajaan Pendidikan Petronas.



PELAJAR TERBAIK, SIJIL SEKOLAH AGAMA MENENGAH 2020 DI BAWAH RANCANGAN PENDIDIKAN KHAS KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA - YAYASAN SELANGOR

PELAJAR TERBAIK, SIJIL SEKOLAH AGAMA MENENGAH TAHFIZ AL-QUR'AN 2020, DI BAWAH RANCANGAN PENDIDIKAN KHAS KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA - YAYASAN SELANGOR

NASHRAH BINTI IMRAN HAZIMIN
PENCAPAIAN: 99.3 dalam SMA / 99.25 dalam SMATQ
MAAHAD INTEGRASI TAHFIZ SELANGOR KUALA LANGAT

Anak sulung daripada lima beradik, Nashrah mendapat pendidikan awal di SK Seksyen 1 Bandar Kinrara. Sejak di Tingkatan 1, Nashrah mengikuti pengajian di MITS Kuala Langat dan mampu menghafaz 30 juzu' al-Quran ketika di Tingkatan 3. Kidal bukan penghalang untuk Nashrah mencapai cita-cita menjadi doktor perubatan, dan dia bekerja keras dengan tekad untuk merealisasikan impian ini. Disebabkan kemahiran kepimpinannya, Nashrah dilantik menjadi Ketua Pengawas sekolahnya, serta Ketua Asrama pada sesi 2021.



PELAJAR TERBAIK PEPERIKSAAN SIJIL
PELAJARAN MALAYSIA 2019, PELAJAR
BERPOTENSI TINGGI (HIPERS - HIGH POTENTIAL
STUDENTS) YAYASAN SELANGOR

NUR KHAYRIN AMALIN BINTI AZAMI PARIDZA
KEPUTUSAN SPM: 10A (3A+ 5A 2A-)
SMK TAMAN MEDAN

Nur Khayrin berasal dari Petaling Jaya, Selangor. Anak kedua daripada empat beradik, Nur Khayrin bercita-cita menjadi doktor. Ketabahan dan semangat kompetitif yang kental membolehkan Nur Khayrin memperoleh 10A dalam peperiksaan SPM pada tahun 2019. Pada masa sekarang, Nur Khayrin meneruskan pendidikan di Universiti Putra Malaysia (UPM) dalam bidang perubatan. Harapannya agar mencapai kejayaan di dunia dan akhirat, dan membahagiakan ibu bapa serta keluarganya.



PELAJAR TERBAIK PEPERIKSAAN SIJIL
PELAJARAN MALAYSIA 2020, PELAJAR
BERPOTENSI TINGGI (HIPERS - HIGH POTENTIAL
STUDENTS) YAYASAN SELANGOR

CONNIE SOH KER NIE
KEPUTUSAN SPM: 10A (2A+ 6A 2A-)
SMK TUN PERAK

Connie memperoleh 10A dalam peperiksaan SPM pada tahun 2020. Sebagai Pengawas Pusat Sumber di sekolahnya, Connie dapat menikmati hobi kegemarannya, iaitu membaca novel. Connie kini meneruskan persekolahannya di Tingkatan 6 di SMK Seri Garing dan bercita-cita menjadi pakar IT pada masa akan datang. Connie juga sentiasa berusaha untuk membanggakan kedua-dua ibu bapanya.

MENGIMBAS KEMBALI TAHUN 2020

PENCAPAIAN PROGRAM

Bagi tahun 2020, kebanyakan program tidak dapat dilaksanakan kerana Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) akibat pandemik COVID-19. Dua program (di luar bilik darjah/sekolah) sempat diadakan dari bulan Januari hingga bulan Mac 2020. Program tersebut ialah:

Program Bengkel Pengurusan Murid

Program ini diadakan khusus untuk guru penyelaras yang dilantik di setiap sekolah yang menempatkan pelajar tajaan Yayasan Selangor. Bengkel ini telah diadakan seperti berikut:

Tarikh : 28 Feb hingga 1 Mac 2020
Tempat : Hotel De Palma Shah Alam

Objektif program:

- ~ Menjadi wadah perbincangan antara guru penyelaras dengan Yayasan Selangor.
- ~ Mendapatkan maklum balas dan cadangan penambahbaikan secara terus daripada pengetua/guru besar dan guru penyelaras.
- ~ Memberi taklimat kepada pegawai kanan Jabatan Pendidikan mengenai aktiviti dan pencapaian pendidikan Yayasan Selangor.



Program Kem Generasi Pelajar Tingkatan 1 Yayasan Selangor 2020 (Kem Gen YS)

Program dirancang khusus untuk pelajar Tingkatan 1 mengikut zon. Kem ini telah diadakan seperti berikut:

Tarikh : 6 hingga 18 Mac 2020
 Tempat : Kem Bina Semangat, Ampang Pecah
 Peserta : SMK Ungku Aziz (Perempuan), SMK Bagan Terap, SMK Munshi Abdullah, SMK Sungai Besar, SMK Dato' Mustaffa, SMK Pengkalan Permatang dan SMK Dato' Harun.

Objektif Program:

- ~ Memperkenalkan Yayasan Selangor kepada pelajar Tingkatan 1 (RKPYS) dan mengeratkan semangat kebersamaan.
- ~ Memberi motivasi dan rangsangan positif kepada pelajar agar komited dan mampu memikul tanggungjawab sebagai pelajar tajaan Yayasan Selangor.



MENGIMBAS KEMBALI TAHUN 2020


PERKHIDMATAN PENDIDIKAN YAYASAN SELANGOR

Program Rancangan Khas Pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia – Yayasan Selangor (RKPYS)

Program ini merupakan kerjasama antara Yayasan Selangor dan Kementerian Pendidikan Malaysia untuk menempatkan dan menaja pelajar di sekolah terpilih dari Tingkatan 1 hingga Tingkatan 5.

Kelebihan pelajar tajaan Yayasan Selangor:

- ~ Ditempatkan di sekolah terpilih.
- ~ Jumlah peruntukan biasiswa kepada pelajar ialah RM4.5 juta setahun.
 - ≈ Biasiswa skala kecil (RM700 Setahun)
 - ≈ Biasiswa Khas (RM1000 Setahun)
- ~ Program akademik (bengkel/seminar peperiksaan).
- ~ Program Bukan Akademik (kerohanian, kepimpinan, jati diri, sukan, rekreasi, penulisan).



SEKOLAH ASRAMA PUSAT DAN DAERAH SERTA HARIAN



SMK (P) Bukit Kuda



SMK Aminuddin Baki



SMK Bukit Changgang



SMK St. John



SMK Sultan Abdul Aziz Shah



SMK Sultan Abdul Samad



SMK Sungai Besar



SMK Telok Datok



SMK Tinggi Kajang



SMK Tinggi Setapak



SMK ACS Methodist



SMK Bagan Terap



SMK Banting



SMK Cochrane



SMK Convent Klang



SMK Damansara Utama



SMK Dato' Harun



SMK Dato' Mustaffa



SMK Jalan Tiga



SMK Kuala Kubu Bharu



SMK Methodist Klang (P)



SMK Munshi Abdullah



SMK Perempuan Jalan Ipoh



SMK Pengkalan Permatang



SMK Raja Abdullah



SMK Sentul Utama



SMK Seri Bintang Utara



SMK Seri Sepang



SMK Shah Alam



SMK Sungai Pusu



SMK Telok Panglima Garang



SMK Tengku Ampuan Rahimah



SMK Tinggi Klang



SMK Ungku Aziz



SMK Victoria

MENGIMBAS KEMBALI TAHUN 2020

ASRAMA ALIRAN AGAMA

SABAK BERNAM

- 1) SAMT SULTAN SALAHUDDIN ABD AZIZ SHAH
- 2) SAM MUHAMMADIAH PEKAN SABAK
- 3) MITS SABAK BERNAM
- 4) MAAHAD INTEGRASI TAHFIZ TUNAS ILMUAN SELANGOR

JUMLAH SEKOLAH :
21 Buah Sekolah

HULU SELANGOR

- 1) SAMT KUALA KUBU BHARU
- 2) SAM SUNGAI SELISIK

KUALA SELANGOR

- 1) SAM TANJUNG KARANG
- 2) SAM JERAM

GOMBAK

- 1) SAM RAWANG

PETALING

- 1) SAMT TENGKU AMPUAN JEMAAH
- 2) SAM BESTARI

KLANG

- 1) SAMT SULTAN HISAMUDDIN
- 2) SAM SULTAN HISAMUDDIN
- 3) MITS KLANG

KUALA LANGAT

- 1) SAMT TENGKU AMPUAN RAHIMAH
- 2) SAM UNWANUS SAADAH
- 3) MITS KUALA LANGAT

HULU LANGAT

- 1) SAM HULU LANGAT

SEPAANG

- 1) SAM BANDAR BARU SALAK TINGGI
- 2) SAM SUNGAI MERAB LUAR
- 3) MITS SEPAANG

SEKOLAH ASRAMA PUSAT DAN DAERAH SERTA HARIAN



Maahad Integrasi Tahfiz Tunas Ilmuan Selangor



MITS Klang



MITS Kuala Langat



MITS Sabak Bernam



MITS Sepang



SAM Bandar Baru Salak Tinggi



SAM Sungai Merab



SAM Hulu Langat



SAM Jeram



SAM Sultan Hisamuddin



SAM Sungai Selisik



SAM Tanjung Karang



SAM Tengku Ampuan Jemaah



SAMT Sultan Hisamuddin



SAM Unwanus Saadah



SAM Rawang



SAMT Kuala Kubu Bharu



SAMT Tengku Ampuan Rahimah Klang



SAM Bestari



SAM Muhammadiyah



SAMT Sultan Salahuddin Abd Aziz Shah

Program High Potential Students (HIPERS)

Untuk melonjakkan pencapaian pelajar luar bandar/pinggir bandar yang berpotensi melanjutkan pelajaran di sekolah terpilih seperti SBP dan MRSM.

SENARAI SEKOLAH-SEKOLAH HIPERS:-

SEKOLAH MENENGAH



SMK Taman Medan



SMK Dato' Harun



SMK Tasek Permai



SMK Bandar Tasik Puteri



SMK Bandar Rinching



SMK Bukit Gading



SMK Khir Johari



SMK Sungai Burong



SMK Seri Desa



SMK Damansara Damai 1



SMK Tun Perak

SEKOLAH RENDAH



SK Klang



SK Pelabuhan Klang



SK Taman Bunga Raya 1



SK Sungai Merab Luar



SK Sungai Serdang



SK Sawah Sempadan



SK Dato' Maharaja Lela



SJK (T) Methodist Kapar



SRAI Sungai Chincinn



SRAI Taman Keramat



SRAI Seksyen 19 Shah Alam

MENGIMBAS KEMBALI TAHUN 2020

Program Tajaan (CSR)

Memberi bantuan pendidikan kepada pelajar terpilih melalui tajaan (CSR).



Program Tajaan Tingkatan Enam Yayasan Selangor (PTEYS)

- Menyediakan biasiswa, kelas bimbingan, seminar dan program pembangunan diri.
- Membantu melonjakkan pencapaian dalam peperiksaan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) di Selangor.
- Meningkatkan bilangan pelajar lepasan STPM yang berjaya melanjutkan pelajaran ke institusi pengajian tinggi awam atau swasta.



Program Pembangunan Bakat (mulai 2020) Pusat Kecemerlangan Kriket – kolaborasi antara Persatuan Kriket Malaysia–SMK Sultan Abdul Samad–Yayasan Selangor (mulai 2020).

Program yang julung kali diadakan ini ditaja bagi meraikan bakat pelajar dalam bidang sukan. Pencapaian pelajar bukan sahaja diukur mengikut pencapaian akademik tetapi juga hasil selepas tamat pengajian. Program ini merupakan kerjasama Persatuan Kriket Malaysia, Persatuan Kriket Selangor, SMK Sultan Abdul Samad dan Yayasan Selangor. Seramai 19 orang atlet pelajar telah ditawarkan penajaan mengikut program ini.

Objektif :

- ~ Meningkatkan pengambilan pelajar tajaan Yayasan Selangor.
- ~ Melaksanakan program pembangunan akademik dan sahsiah bagi meningkatkan potensi pelajar tajaan Yayasan Selangor.
- ~ Memantau pencapaian program melalui objektif kualiti yang telah ditetapkan.



Kolej & Program Tingkatan Enam

SENARAI KOLEJ

1. KOLEJ TINGKATAN ENAM PETALING JAYA
2. KOLEJ TINGKATAN ENAM TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA
3. KOLEJ TINGKATAN ENAM SHAH ALAM
4. KOLEJ TINGKATAN ENAM SRI ISTANA
5. KOLEJ TINGKATAN ENAM BANDAR UTAMA
6. KOLEJ TINGKATAN ENAM SULTAN ABDUL AZIZ
7. KOLEJ TINGKATAN ENAM PUCHONG
8. SMK SULTAN ABDUL AZIZ SHAH
9. SMK KUALA KUBU BHARU
10. SMK SERI GARING
11. SMK TELOK DATOK

MAKLUMAN :
Pelaksanaan pengambilan pelajar ditangguhkan ke tahun 2021.

MENGIMBAS KEMBALI TAHUN 2020



ASRAMA PUSAT YAYASAN SELANGOR

Terdapat dua asrama pusat Yayasan Selangor iaitu:

ASRAMA YAYASAN SELANGOR KLANG

Asrama ini mula beroperasi pada tahun 1988 di Jalan Raya Barat, Klang dan merupakan kompleks asrama pusat keempat yang dibina oleh Yayasan Selangor, serta asrama pertama yang menempatkan kedua-dua pelajar lelaki dan perempuan.

ASRAMA YAYASAN SELANGOR SABAK BERNAM

Asrama ini ditubuhkan pada tahun 1994 dan dirasmikan pada Sambutan Jubli Perak Yayasan Selangor pada tahun 1995. Asrama ini boleh memuatkan sehingga 100 orang pelajar dan dikhususkan bagi pelajar lelaki.



PENDAFTARAN PELAJAR ASRAMA

Sehingga penghujung tahun 2019, pelajar asrama Asrama Yayasan Selangor Klang (AYSK) ditempatkan di enam buah sekolah sekitar daerah Klang. Pada bulan Februari 2020, Memorandum Persefahaman (MoU) telah ditandatangani antara Yayasan Selangor dan Persatuan Kriket Malaysia, Persatuan Kriket Selangor dan SMK Sultan Abdul Samad Klang (SAS) yang bertumpu kepada pembangunan bakat pelajar dalam sukan kriket. Melalui Program Khas Kecemerlangan Kriket Negeri Selangor, seramai 17 orang pelajar SMKSAS telah ditempatkan di AYSK.

Sekolah yang menempatkan pelajar asrama pusat Yayasan Selangor ialah:-

Asrama Yayasan Selangor Klang (AYSK)	Asrama Yayasan Selangor Sabak Bernam (AYSSB)
<ul style="list-style-type: none"> i. SMK Tengku Ampuan Rahimah ii. SMK (P) Bukit Kuda iii. SMK Tinggi Klang iv. SMK Methodist ACS v. SMK Convent vi. SMK (P) Methodist vii. SMK Sultan Abdul Samad 	<ul style="list-style-type: none"> i. SMK Ungku Aziz ii. SMK Sungai Besar

Tingkatan	AYSK		Jumlah	AYSSB	Jumlah	Jumlah Keseluruhan
	Lelaki	Perempuan		Lelaki		
1	40	59	99	29	29	128
2	22	53	75	20	20	95
3	28	35	63	11	11	74
4	6	21	27	5	5	32
5	7	21	28	14	14	42
Total	103	189	292	79	79	371

Berdasarkan jadual, jumlah pelajar yang ditempatkan di asrama pusat Yayasan Selangor ialah seramai 371 orang pelajar, iaitu sebanyak 182 pelajar lelaki dan 189 pelajar perempuan. Asrama Yayasan Klang menempatkan pelajar lelaki dan perempuan manakala pelajar di Asrama Yayasan Selangor Sabak Bernam hanya lelaki.

Pelajar di AYSK berasal daripada pelbagai kumpulan etnik. Daripada jumlah pelajar seramai 292 orang, terdapat 1 orang pelajar berketurunan Cina, 1 orang pelajar Orang Asli dan 6 orang pelajar berketurunan India.

AKTIVITI PELAJAR ASRAMA

Selama 50 tahun, Yayasan Selangor telah menganjurkan aktiviti-aktiviti untuk pelajar yang ditempatkan di asrama Yayasan. Tumpuan diberikan kepada program dan aktiviti yang relevan dengan waktu semasa dengan tujuan untuk melahirkan generasi individu yang maju sepenuhnya (insan kamil), termasuklah program dan aktiviti pengkayaan pelajar dan pembangunan pelajar.

Setiap asrama, sama ada AYSK atau AYSSB, merancang dan menganjurkan program dan aktiviti tahunan asrama masing-masing.


Malangnya, selepas pelaksanaan langkah pencegahan COVID-19 di seluruh negara, khususnya di Lembah Klang, Yayasan Selangor menghadapi masa yang sukar untuk menjalankan program dan aktiviti sepanjang tahun 2020.

Di samping berjuang menentang wabak COVID-19, Yayasan Selangor sempat melaksanakan sejumlah besar program dan aktiviti asrama pada tahun 2020.

Program dan aktiviti yang berikut telah diadakan dan dijalankan di Asrama Yayasan Selangor Klang dari bulan Januari hingga Disember 2020:

MENGIMBAS KEMBALI TAHUN 2020

ASRAMA YAYASAN SELANGOR KLANG

Pendaftaran Murid Baharu Tingkatan 1	
Pendaftaran Murid Tingkatan 2 - Tingkatan 5	
Program Suaikenal Murid	
Program Jalinan Mesra Freshie-Senior	
Kursus Imam & Bilal (Fasa 1)	
Program "Jom Balik Asrama" Alumni YS(PAYS) - AYSK	
B&K: Pengurusan Masa & Smart Study Tingkatan 1	
Liga Sukan Asrama	
Kem Debat & Pidato	
Festival Pendidikan Tingkatan 6 (Jemputan Tingkatan 5)	
Kursus Imam & Bilal (Fasa 2)	
Majlis Penutup Liga Sukan & Perhimpunan Bulanan	

Berdasarkan Jadual 3A, bagi tempoh Januari hingga Disember 2020, hanya 25 atau 50.0 peratus program dan aktiviti yang dirancang telah dilaksanakan, 21 (42.0 peratus) dibatalkan manakala 4 program (8.0 peratus) ditangguhkan ke tahun 2021. Pembatalan dan penangguhan ini dilakukan bagi membendung penularan penyakit COVID-19 dalam kalangan pelajar dan masyarakat.

Selain program tahunan, aktiviti harian dan mingguan turut dilaksanakan seperti berikut:

- ~ Kelas bimbingan (setiap minggu)
- ~ Kelas Fardu 'Ain
- ~ Kelas Mengaji Al-Quran
- ~ Bacaan Yasin (setiap Jumaat)
- ~ Qiamullail bulanan
- ~ Latihan Gamelan
- ~ Latihan Koir
- ~ Latihan Debat dan Pidato (secara online sepanjang PKPB)
- ~ Latihan tae kwan do (secara online sepanjang PKPB)
- ~ Riadah, senaman pagi dan gotong royong(hujung minggu)



ASRAMA YAYASAN SELANGOR SABAK BERNAM

Program Minggu Suaikenal
Kem Santai Bicara Kepimpinan Murid
Program Fire Drill bersama BOMBA dan pembentukan Emergency Response Team (ERT)
Penubuhan Kumpulan Angklung
Program Explorace AYSSB Tingkatan 1-Tingkatan 5
Explorace & Malam Patriotik
Pilihanraya Majlis Perwakilan Murid
Program Med-OT-DS bersama Universiti Perdana - Tingkatan 4 & Tingkatan 5

Berdasarkan jadual 3B, AYSSB telah melaksanakan 8 program dan aktiviti sepanjang tahun 2020. Ini meliputi 30.8 peratus daripada jumlah yang dirancang bagi tahun 2020. Sebanyak 4 (15.4 peratus) aktiviti terpaksa dibatalkan manakala 14 (53.8 peratus) telah ditangguhkan ke tahun 2021.

Aktiviti harian dan mingguan yang dilaksanakan di AYSSB ialah:

- ~ Zikir & Munajat (setiap hari sebelum berjamaah maghrib)
- ~ Solat sunat hajat dan taubat (setiap hari)
- ~ Gotong royong
- ~ Yasin dan Tahlil



AKTIVITI ASRAMA

Semasa penutupan asrama selepas Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) pada penghujung tahun 2020, setiap asrama giat membuat persiapan kemasukan penghuni pada tahun 2021. Ini dilakukan oleh pekerja asrama secara gotong-royong. Aktiviti berikut telah dijalankan:

- i. Membaiki kemudahan yang rosak
- ii. Menyediakan kemudahan di asrama pelajar (SOP norma baharu)
- iii. Membersihkan ruang dan premis
- iv. Membuat persediaan pentadbiran untuk pengambilan murid baru Tingkatan 1 pada tahun 2021
- v. Mengadakan program dan perancangan Aktiviti Asrama 2021



MENGIMBAS KEMBALI TAHUN 2020

PELAJAR YANG MENCAPAI KECEMERLANGAN AKADEMIK DAN SAHSIAH PADA TAHUN 2020

BIL.	NAMA PELAJAR	SEKOLAH/ TINGKATAN	PENYERTAAN	TAHUN	PENCAPAIAN
1	MUHAMAD SHAH AZIM BIN MOHD SHAH RIZAN	5ACS	Anugerah Tokoh Nilam	2020	Negeri (Tempat Kedua)
			Malaysia Future Leaders School (MFLS)	2020	Kebangsaan
			Pertandingan Bola Tampar MSSD	2020	Daerah
			Skim Lencana Anti Dadah Selangor	2020	Negeri
			Pertandingan Pidato Bahasa Melayu	2020	Daerah
			Pertandingan Deklamasi Sajak	2020	Daerah
			Pembangunan Program Adab dan Nilai	2020	Daerah
			e-Pertandingan Deklamasi Sajak Pendidikan Kaunseling Kerjaya	2020	Daerah
			Jota Joti	2020	National
2	EMEYLDA NURIMAN BT MOHD ROSLANI	5STAR	Pertandingan Pantun	2020	Daerah (Tempat Ketiga)
			Deklamasi sajak majlis ihtifal sekolah menengah	2020	Daerah (Tempat Ketiga)
			Wakil Sekolah, Kembara Masjid PPIM	2020	Daerah
			STAR/SEMASHUR Program Pertukaran Pelajar	2020	Daerah
			Pertandingan Video STAR Covid-era	2020	Sekolah (Johan)
			Wakil Daerah ke Program PRS	2020	Negeri
3	YASMIN SOFIYA BTE DZULBAHRI	5BK	Ketua Pengawas	2020	Sekolah
			Pertandingan Debat Gaya Parlimen	2020	Daerah
			Pertandingan Catur	2020	Daerah

PELAJAR YAYASAN SELANGOR DI INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI

PINJAMAN PELAJARAN BOLEH UBAH

Pinjaman ini terbuka kepada pelajar di Institut Pengajian Tinggi awam dan swasta (IPTA/IPTS) Selangor yang mengikuti program pengajian sepenuh masa di peringkat Sarjana Muda dan Diploma. Makluman iklan pinjaman pendidikan disiarkan di laman web Yayasan Selangor.


SYARAT-SYARAT

- ~ Warganegara Malaysia
- ~ Pemohon/ibu/bapa, atau salah seorang daripadanya lahir di Selangor atau lahir di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sebelum 1 Februari 1974/bermastautin di Selangor lebih daripada 10 tahun. Keutamaan diberikan kepada pemohon yang lahir di Selangor.
- ~ Pendapatan per kapita keluarga kurang daripada RM3,000.00.
- ~ Pengajian sepenuh masa di peringkat Diploma atau Ijazah Sarjana Muda.
- ~ Belum pernah menerima/mendapat tajaan pinjaman pendidikan daripada penaja lain.




PRESTASI HASIL BAYARAN BALIK PINJAMAN PELAJARAN

KATEGORI PEMINJAM / PERKARA	AKTIF (RM)	TUNGGAKAN (RM)	MAHKAMAH (RM)	JUMLAH
Jumlah Fail / Pelajar	493	1,116	388	1,997
Jumlah Pinjaman Dikeluarkan	5,912,964.93	8,402,587.94	2,816,007.98	17,131,560.85
Jumlah Bayaran Matang (Tuntutan)	3,391,354.36	8,402,587.94	2,816,007.98	14,609,950.28
Jumlah Bayaran Belum Matang	2,521,610.57	0.00	0.00	2,521,610.57
Hasil Bayaran Balik	1,259,429.83	1,471,317.75	211,652.88	2,942,400.46
Prestasi Hasil (%)	37.14%	17.51%	7.52%	20.14%
Bayaran Pinjaman Matang	2,131,924.53	6,931,270.19	2,604,355.10	11,667,549.82




MENGIMBAS KEMBALI TAHUN 2020

PERBANDINGAN SASARAN HASIL DENGAN HASIL SEBENAR



KAEDAH PENERIMAAN BAYARAN BALIK PINJAMAN

PERKARA	KAEDAH PENERIMAAN BAYARAN					JUMLAH
	JomPAY	EPF	Potongan Gaji	Tunai	Lain	
Hasil Bayaran	1,987,949.07	702,461.19	57,072.00	147,117.20	47,801.00	2,942,400.46
Peratus (%)	67.56 %	23.87 %	1.94 %	5.00 %	1.62 %	100.00 %
Purata Pembayar	490	11	16	7	4	528
Peratus (%)	92.84 %	2.13 %	3.01 %	1.28 %	0.74 %	100.00 %




INSENTIF PENGECUALIAN BAYARAN BALIK

Jenis	4% Caj Perkhidmatan	50% Pengecualian	100% Pengecualian
Tempoh Masa	Dalam tempoh masa bayaran yang ditetapkan	Tempoh Masa Pengajian	
Syarat	Tiada Tindakan Legal	CGPA 3.5 - 3.74	Kelas Pertama



TABURAN PELAJAR TAJAAN YAYASAN SELANGOR TAHUN 2020



JUMLAH PEMBIAYAAN PINJAMAN PELAJARAN PELAJAR DI INSTITUT PENGAJIAN TINGGI AWAM

BIL.	INSTITUSI	BILANGAN PELAJAR	JUMLAH PEMBIAYAAN
1	Universiti Malaya (UM)	50	284,000.00
2	Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)	54	279,250.00
3	Universiti Sains Malaysia (USM)	9	54,000.00
4	Universiti Teknologi Malaysia (UTM)	28	161,500.00
5	Universiti Putra Malaysia (UPM)	42	231,500.00
6	Universiti Islam Antarabangsa (UIA)	80	439,000.00
7	Universiti Utara Malaysia (UUM)	20	111,000.00
8	Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)	67	383,500.00
9	Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS)	7	36,500.00
10	Universiti Malaysia Sabah (UMS)	7	36,500.00
11	Universiti Malaysia Pahang (UMP)	14	67,000.00
12	Universiti Malaysia Terengganu (UMT)	10	45,500.00
13	Universiti Malaysia Perlis (UNIMAP)	6	24,000.00
14	Universiti Malaysia Kelantan	5	27,000.00
15	Universiti Perguruan Sultan Idris (UPSI)	26	132,000.00
16	Universiti Teknologi Mara (UiTM)	318	1,376,280.36
17	Universiti Sultan Zainal Abidin (UNISZA)	15	82,500.00
18	Universiti Pertanahan Nasional Malaysia (UPNM)	2	9,000.00
19	Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTEM)	29	150,625.00
20	Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)	19	102,500.00
21	Universiti Sultan Sultan Sultan Azlan Shah (USAS)	5	29,000.00
22	Politeknik Malaysia (POLITEKNIK)	88	281,750.00
JUMLAH		901	4,343,905.36

MENGIMBAS KEMBALI TAHUN 2020

JUMLAH PEMBIAYAAN PINJAMAN PELAJARAN PELAJAR DI UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA (UTM) DAN POLITEKNIK MALAYSIA

BIL	INSTITUSI / NEGERI					JUMLAH KESELURUHAN	
	Negeri	UiTM		POLITEKNIK		Bil. Pelajar	Jumlah Pembiayaan Keseluruhan
		Bil. Pelajar	Jumlah Pembiayaan	Bil. Pelajar	Jumlah Pembiayaan		
1.	Selangor	131	617,280.36	34	124,750.00	165	742,030.36
2.	N. Sembilan	29	125,000.00	13	41,500.00	42	166,500.00
3.	Perlis	9	43,000.00	2	5,000.00	11	48,000.00
4.	Pulau Pinang	9	36,000.00	2	6,000.00	11	42,000.00
5.	Kedah	9	35,000.00	2	4,000.00	11	39,000.00
6.	Sabah	1	5,000.00	0	0.00	1	5,000.00
7.	Perak	28	101,500.00	16	39,000.00	44	140,500.00
8.	Terengganu	18	70,000.00	4	13,000.00	22	83,000.00
9.	Johor	24	91,500.00	4	13,000.00	28	104,500.00
10.	Melaka	32	139,500.00	5	13,000.00	37	152,500.00
11.	Kelantan	4	20,000.00	0	0.00	4	20,000.00
12.	Pahang	24	92,500.00	4	12,500.00	28	105,000.00
13.	Sarawak	0	0.00	2	6,000.00	2	6,000.00
JUMLAH		318	1,376,280.36	88	281,750.00	406	1,654,030.36


JUMLAH PEMBIAYAAN PINJAMAN PELAJARAN PELAJAR DI INSTITUT PENGAJIAN TINGGI SWASTA

BIL	INSTITUSI	BILANGAN PELAJAR	JUMLAH PINJAMAN TAHUNAN
IPTS (KERAJAAN NEGERI SELANGOR)			
1	Universiti Selangor (UNISEL)	38	277,000.00
2	Kolej Universiti Islam Selangor (KUIS)	39	288,500.00
JUMLAH		77	565,500.00

LAIN-LAIN IPTS			
1	Akademik Seni Warisan Negara (ASWARA)	2	14,000.00
2	Institut Profesional Baitulmal (IPB)	5	28,000.00
3	Kolej Profesional Tinggi Mara (KPTM)	7	45,500.00
4	International Islamic College	1	7,000.00
5	Universiti Tenaga Nasional (UNITEN)	1	4,000.00
6	Management & Science Universiti (MSU)	5	27,500.00
7	Multi Media Universiti (MMU)	5	34,000.00
8	Universiti Teknologi Petronas (UTP)	1	8,000.00
9	Uuniversiti Malaya Centre For Continuing Education (UMCCED)	7	38,500.00
10	Universiti Teknologi Malaysia UTM SPACE	6	42,000.00
11	Universiti Kuala Lumpur (UNIKL)	2	10,500.00

BIL	INSTITUSI	BILANGAN PELAJAR	JUMLAH PINJAMAN TAHUNAN
LAIN-LAIN IPTS			
12	SWASTA	12	82,766.68
13	Universiti College Agro Science	1	3,500.00
JUMLAH		55	345,266.68
JUMLAH KESELURUHAN PEMBIAYAAN IPTA DAN IPTS		1,033	5,254,672.04

PEMBIAYAAN PINJAMAN PELAJARAN MENGIKUT PERINGKAT INSTITUSI



JUMLAH PEMBIAYAAN PINJAMAN PELAJARAN MENGIKUT BIDANG PENGAJIAN

BIL.	BIDANG PENGAJIAN	BIL PELAJAR	JUMLAH PEMBIAYAAN
1	KEJURUTERAAN AWAM	63	247,375.00
2	KEJURUTERAAN ELEKTRIK	41	251,250.00
3	KEJURUTERAAN ELEKTRONIK	19	96,500.00
4	KEJURUTERAAN MEKANIKAL	25	156,000.00
5	SAINS	74	334,547.04
6	SAINS (STATISTIK)	23	102,000.00
7	SAINS AKTUARI	10	30,000.00
8	SAINS ENGINEERING	14	80,000.00
9	SAINS FARMASI	14	78,000.00
10	SAINS FIZIK	29	148,000.00
11	SAINS FORENSIK	10	53,000.00
12	SAINS HAYAT	6	54,000.00
13	SAINS KEJURURAWATAN	10	78,000.00

MENGIMBAS KEMBALI TAHUN 2020


BIL.	BIDANG PENGAJIAN	BIL PELAJAR	JUMLAH PEMBIAYAAN
14	SAINS KEMANUSIAN	20	84,000.00
15	SAINS KIMIA	19	90,000.00
16	SAINS KOMPUTER	30	160,000.00
17	SAINS MAKANAN	17	118,500.00
18	SAINS MATEMATIK	12	62,500.00
19	SAINS OPTOMETRIK	10	48,000.00
20	SAINS PENGIMEJAN PERUBATAN	7	42,000.00
21	SAINS PERANCANGAN PELANCONGAN DAN PENGURUSAN HOSPITALITI	9	39,000.00
22	SAINS PERGIGIAN	6	58,000.00
23	SAINS PERUBATAN	8	74,000.00
24	SAINS SOSIAL	21	79,000.00
25	SENI BINA	24	117,000.00
26	TEKNOLOGI KREATIF DIGITAL	7	37,000.00
27	TEKNOLOGI MAKANAN	10	45,000.00
28	UKUR BAHAN	14	83,000.00
29	AKAUNTANSI	29	145,000.00
30	ILMU WAHYU DAN WARISAN ISLAM	28	151,000.00
31	KAUNSELING	18	89,000.00
32	KEWANGAN DAN PERBANKAN ISLAM	52	229,000.00
33	PEMASARAN	11	54,000.00
34	PENDIDIKAN	67	356,000.00
35	PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK	11	69,000.00
36	PENDIDIKAN BAHASA	42	170,500.00
37	PENGAJIAN AL-QURAN DAN SUNNAH	24	126,000.00
38	PENGAJIAN DAKWAH	34	152,000.00
39	PENGAJIAN FIQH DAN FATWA	16	87,000.00
40	PENGURUSAN & TEKNOLOGI PEJABAT	4	21,000.00
41	PENGURUSAN HARTA TANAH	7	30,000.00
42	PENGURUSAN INDUSTRI SUKAN	9	52,000.00
43	PENGURUSAN RISIKO DAN INSURANS	5	27,000.00
44	PERKHIDMATAN MAKANAN AMALAN HALAL	14	105,000.00
45	PERNIAGAAN	41	189,500.00
46	UNDANG-UNDANG	24	115,000.00
47	USULUDDIN	45	241,000.00
JUMLAH		1,033	5,254,672.04

PEMBIAYAAN PINJAMAN PELAJARAN 2020

BATCH TAJAAN	PEMBIAYAAN TAHUN 2020				
	Februari		September		JUMLAH BAYARAN
	Bil. Pelajar	Jumlah	Bil. Pelajar	Jumlah	
2016	62	177,625.00	9	28,250.00	205,875.00
2017	266	792,500.00	178	549,500.00	1,342,000.00
2018	315	869,963.69	264	722,083.35	1,592,047.04
2019	390	1,035,500.00	398	1,079,250.00	2,114,750.00
Jumlah	1,033	2,875,588.69	849	2,379,083.35	5,254,672.04

BATCH TAJAAN	PEMBIAYAAN MENGIKUT PERINGKAT PENGAJIAN				
	Diploma		Ijazah		JUMLAH PEMBIAYAAN
	Bil. Pelajar	Jumlah	Bil. Pelajar	Jumlah	
2016	1	1,500.00	61	204,375.00	205,875.00
2017	29	85,500.00	237	1,255,467.00	1,340,967.00
2018	186	1,127,250.00	129	464,797.04	1,592,047.04
2019	111	1,048,000.00	279	1,066,750.00	2,114,750.00
Jumlah	327	2,262,250.00	706	2,991,389.04	5,254,672.04

PEMBIAYAAN PINJAMAN PELAJARAN MENGIKUT PERINGKAT PENGAJIAN



SELANGOR TUTOR 2020

Dalam usaha membendung penularan wabak COVID-19 dan atas rasa keprihatinan terhadap pendidikan pelajar di Selangor, Kerajaan Negeri Selangor telah menganjurkan program Selangor Tutor melalui Pakej Rangsangan Prihatin Selangor. Program ini menawarkan peluang kepada pelajar untuk mengikuti pembelajaran dalam talian, seterusnya belajar dan mengulang kaji pelajaran di sepanjang pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang bermula di seluruh negara pada 18 Mac 2020.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar Selangor mengumumkan program e-pembelajaran percuma untuk pelajar di negeri Selangor melalui Pakej Rangsangan Prihatin Selangor (Fasa 2) bermula pada 1 April 2020. Yayasan Selangor dilantik sebagai agensi pelaksana dan menganjurkan program ini dengan kerjasama MBI Bisnes Amal, manakala Dasar Jati Sdn. Bhd. (DJSB) dilantik sebagai pembekal dan pengendali portal Tutor Selangor.



JUMLAH BERDAFTAR

92,931

👤 44,215 👤 48,716



KEKERAPAN PENGGUNAAN

787,223

👤 396,675 👤 390,548



JUMLAH LATIHAN DILAKUKAN

602,695

👤 306,357 👤 296,338



JUMLAH SOALAN YANG TELAH DIJAWAB

3,013,475

👤 1,531,330 👤 1,482,145



SUBJEK BAHASA MELAYU PALING BANYAK DIPILIH

212,098

👤 102,407 👤 109,691



LAPORAN DARI PENGGUNA KHIDMAT PELANGGAN

786

Sebanyak 786 laporan khidmat pelanggan diterima dan semuanya telah berjaya diatasi. Hasil laporan hampir 49.75% laporan pengguna merupakan permasalahan log masuk dan terlupe kata laluan.

Sinar Harian
Selasa | 9 Jun 2020

Program e-learning percuma buat pelajar Selangor
NUR FARHANA ABDUL MANAN || 5 April 2020

PAKEJ RANGSANGAN SELANGOR PRIHATIN FASA KEDUA

Program pembelajaran PERCUMA secara e-learning melalui **selangortutor.com**

- 1. Menambah jumlah bilangan pelajar yang dapat mengikuti program ini.
- 2. Menambah jumlah bilangan pelajar yang dapat mengikuti program ini.
- 3. Menambah jumlah bilangan pelajar yang dapat mengikuti program ini.
- 4. Menambah jumlah bilangan pelajar yang dapat mengikuti program ini.
- 5. Menambah jumlah bilangan pelajar yang dapat mengikuti program ini.
- 6. Menambah jumlah bilangan pelajar yang dapat mengikuti program ini.

Kerajaan Selangor menawarkan program pembelajaran secara e-learning secara percuma kepada semua pelajar di negeri ini.

ENGLISH 中文 தமிழ்

SELANGOR KINI

Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Selangor Eddie Ahmad Khodzali bercakap dalam program bual bicara Strategi Selamatkan Pendidikan, Bela Pelajar bersama Yayasan Selangor dan Universiti Selangor (Unisel) di Shah Alam pada 7 Disember 2020. Foto ASRI

SELANGOR tutor

selangortutor.com

#SijakBelajar
#SkorCemerlang
#BelajarDiRumah
#ManfaatkanPeluang
#SelangorGempurCovid

www.yayasanlangor.org.my

SELANGOR tutor

selangortutor.com

#SijakBelajar
#SkorCemerlang
#BelajarDiRumah
#ManfaatkanPeluang
#SelangorGempurCovid

www.yayasanlangor.org.my

SELANGOR tutor

selangortutor.com

#SijakBelajar
#SkorCemerlang
#BelajarDiRumah
#ManfaatkanPeluang
#SelangorGempurCovid

www.yayasanlangor.org.my


PANDEMIK COVID-19

Pandemik COVID-19 yang sering dikenal sebagai pandemik coronavirus ialah wabak penyakit yang melanda seluruh dunia dan berpunca daripada virus yang diberi nama SARS-CoV-2. Penyakit ini pertama kali ditemui pada pertengahan Disember 2019 di Wuhan, Hubei, China, dan diisytiharkan sebagai pandemik oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) pada 11 Mac 2020. Sehingga kini, pandemik ini telah meragut nyawa berjuta-juta orang di seluruh dunia.



Virus COVID-19 menular dan menyebarkan dengan cara yang sama seperti penularan influenza, iaitu melalui titisan pernafasan ketika seseorang itu batuk atau bersin. Virus ini menyerang sistem tubuh manusia seawal lima hari atau selewat-lewatnya 14 hari selepas jangkitan. Gejala biasa yang akan dihadapi adalah termasuk demam, batuk dan sesak nafas. Komplikasi yang lebih serius ialah radang paru-paru dan gangguan pernafasan yang akut. Langkah-langkah pencegahan yang disyorkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia termasuk mencuci tangan, menutup mulut ketika batuk, menjaga jarak yang selamat antara individu (terutamanya bagi individu yang tidak sihat), dan pemantauan serta pengasingan selama 14 hari bagi individu yang disyaki terjangkit.

STATISTIK PENULARAN COVID-19 BERMULA 13 MAC 2020





PENCEGAHAN PENULARAN

Kerajaan Malaysia mengumumkan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di seluruh negara pada 18 Mac 2020 dan semua aktiviti ekonomi dihentikan pada waktu itu. Langkah ini diambil untuk menyekat penyebaran penyakit COVID-19. Sehingga kini, masyarakat umum harus menyesuaikan diri dengan menerapkan norma hidup baharu.

Berikutan penyebaran COVID-19 di seluruh negara khususnya di Lembah Klang, Yayasan Selangor telah melaksanakan beberapa teknik pencegahan yang menyeluruh termasuk di pejabat dan asrama pusat Yayasan Selangor. Langkah proaktif yang diambil termasuk menyebarkan maklumat mengenai pandemik COVID-19 dalam bentuk pelbagai jenis infografik kepada semua pekerja. Pengurusan Yayasan Selangor juga telah memberikan pelitup muka dan cecair pensanitasi tangan kepada semua pekerja untuk mencegah penyebaran penyakit di kalangan kakitangan.

Selanjutnya, Yayasan Selangor telah menubuhkan Pasukan Tindakan Kecemasan Yayasan Selangor (ERT YS) yang bertanggungjawab untuk merancang atau melaksanakan strategi pencegahan COVID-19 di Yayasan Selangor, iaitu seperti menguruskan proses pembersihan di pejabat dan asrama pusat Yayasan Selangor. Setiap perancangan yang diatur oleh pasukan ERT YS ini adalah berpandukan kepada ketetapan SOP dari Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) yang melibatkan garis panduan pembukaan sekolah di dalam norma baharu.



YAYASAN SELANGOR TELAH
 MENUBUHKAN **PASUKAN
 TINDAKAN KECEMASAN
 YAYASAN SELANGOR (ERT YS)**
 YANG BERTANGGUNGJAWAB
 UNTUK MERANCANG ATAU
 MELAKSANAKAN STRATEGI
 PENCEGAHAN COVID-19 DI



YAYASAN SELANGOR

PANDEMI COVID-19

Antara kaedah pencegahan COVID-19 yang dibangunkan di Yayasan Selangor ialah:-



- ~ SOP - ERT Yayasan Selangor telah menyediakan Prosedur Operasi Standard (Standard Operating Procedure) untuk memasuki premis Yayasan Selangor.
- ~ Video Kesedaran - Memaparkan video untuk tontonan seluruh warga kerja dan pelawat yang memasuki Menara Yayasan Selangor
- ~ Poster Maklumat - Pelbagai infografik disediakan oleh Bahagian Komunikasi untuk dikongsi dengan semua pekerja bagi menyebarkan maklumat dan kesedaran mengenai COVID-19.
- ~ Menjalankan proses sanitasi terhadap premis (pejabat) dan kemudahan di asrama dari semasa ke semasa.
- ~ Menyediakan penanda arah dan papan tanda di sekitar kawasan pejabat dan asrama.
- ~ Mengadakan kempen kebersihan.
- ~ Melaksanakan SOP dalam setiap aktiviti harian penghuni dan warga kerja.

SUMBANGAN YAYASAN SELANGOR KEPADA TABUNG COVID-19 SELANGOR

Yayasan Selangor telah menyalurkan sumbangan sebanyak RM15,000.00 kepada tabung COVID-19 Kerajaan Negeri Selangor, iaitu tabung yang bertujuan untuk membantu penduduk Negeri Selangor memerangi wabak penyakit ini. Sumbangan tersebut diserahkan oleh Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Selangor, Encik Eddie Ahmad Khodzali, kepada Dato’ Menteri Besar Selangor, Y.A.B. Dato’ Seri Amirudin Shari. Tabung COVID-19 Selangor dilancarkan oleh Menteri Besar Selangor pada 1 April 2020 untuk membolehkan agensi kerajaan, sektor swasta, GLC dan individu swasta menyalurkan sumbangan bagi memerangi penularan penyakit ini di Negeri Selangor.





4

PENTADBIRAN YAYASAN SELANGOR

Bab

SUMBER MANUSIA

Sumber manusia membantu sesebuah organisasi dalam pelaksanaan perancangan sumber manusia organisasi.

KATEGORI JAWATAN KAKITANGAN YAYASAN SELANGOR BAGI TAHUN 2020

BIL.	JAWATAN	JUMLAH PEKERJA
1.	EKSEKUTIF	60
2.	BUKAN EKSEKUTIF	112
JUMLAH		172

LAPORAN PELAKSANAAN KURSUS/LATIHAN/PROGRAM STAF YAYASAN SELANGOR

Penganjuran dan pelaksanaan kursus/latihan/program kakitangan adalah bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan dan prestasi kakitangan, serta mengukuhkan kemahiran yang sedia ada. Usaha ini dapat membantu dalam melahirkan kakitangan yang lebih cekap dan kompeten untuk melaksanakan tugas mengikut keperluan Yayasan Selangor.

Statistik kakitangan Yayasan Selangor yang telah mengikuti kursus/latihan/program berkaitan keperluan Yayasan Selangor bagi tahun 2020 telah dibahagikan kepada beberapa kategori seperti yang diperincikan dalam jadual berikut:

BIL.	KATEGORI KERJA	GRED	BILANGAN KAKITANGAN	MENGHADIRI KURSUS	TIDAK MENGHADIRI KURSUS
1.	Pengurusan atasan	(PY1-PY2)	2	2	0
2.	Pengurusan	(PY5-PY7)	13	12	1
3.	Eksekutif	(EY1-EY4)	45	44	1
4.	Kakitangan Sokongan (Operasi)	(SY1-SY12)	102	82	20
5.	Kakitangan Sokongan (Teknikal)	(TY1-TY6)	10	9	1
JUMLAH			172	149 (87%)	23(13%)

Jadual 12: Statistik Pekerja Yayasan Selangor Yang Telah Menghadiri Kursus/Latihan Mengikut Kategori Pekerjaan Sehingga 31 Disember 2020

GAMBAR AKTIVITI KURSUS/LATIHAN



Program Team Building Kakitangan Yayasan Selangor

Kem Bina Semangat, Kuala Kubu Bharu, Selangor
6 Februari 2020



Objektif Program :

1. Mengenal pasti potensi pemimpin dalam organisasi
2. Meningkatkan daya kreativiti/cara berfikir
3. Memperbaiki budaya kerja yang sihat
4. Meningkatkan prestasi individu dalam kerjaya berpasukan
5. Mengukuhkan hubungan silaturahim antara warga kerja Yayasan Selangor

SUMBER MANUSIA

GAMBAR AKTIVITI KURSUS/LATIHAN



Bengkel Kesedaran Sistem : Inisiatif Formula Blueprint

Dewan tingkat 16, Menara Yayasan Selangor
14 Julai 2020, (sesi 1) 15 Julai 2020 (sesi 2)



Objektif Program :

1. Memperkenalkan metafora blueprint dan penggunaannya dalam pengurusan semula.
2. Menyokong objektif yayasan dengan memanfaatkan aset data dan teknologi maklumat sedia ada.

GAMBAR AKTIVITI KURSUS/LATIHAN



Bengkel Penyelarasan Prosedur Kerja Asrama Yayasan Selangor

Pusat Sumber Manusia, Asrama Yayasan Selangor Klang
4 dan 5 Ogos 2020




Objektif Program :

1. Menyelaraskan prosedur kerja pengurusan dan pentadbiran.
2. Menyemak dan menyelaras semula prosedur kerja di asrama pusat.
3. Memastikan prosedur kerja dikemaskini mengikut saranan dan arahan Kementerian Pendidikan Malaysia.

SUMBER MANUSIA

GAMBAR AKTIVITI KURSUS/LATIHAN



Program Bacaan Yasin & Doa Selamat
 Surau Tingkat 17, Menara Yayasan Selangor
 2 Oktober 2020



Objektif Program :

1. Mencari keredhaan dan keberkatan Allah s.w.t bersempena dengan sambutan ulang tahun kelima puluh YS.
2. Memupuk rasa cinta kepada yang maha Pencipta.
3. Memahami agama dengan lebih mendalam.

GAMBAR AKTIVITI KURSUS/LATIHAN



Program Perlawanan Bola Sepak Persahabatan Diantara Yayasan Selangor dan Menteri Besar Selangor (Incorporated)

Stadium Mini Rhino Turf, Seksyen 13 Shah Alam, Selangor
7 Oktober 2020



Objektif Program :

1. Menyemai semangat kesukanan.
2. Mengukuhkan jalinan kerjasama kakitangan Yayasan Selangor dan MBI.

SUMBER MANUSIA

GAMBAR AKTIVITI KURSUS/LATIHAN



SAN GOR



Program Sembang Santai Bersama Warga Kerja Yayasan Selangor
 Kem The Wood Ulu Yam
 8 Oktober 2020

Objektif Program :

1. Mengukuhkan hubungan silaturahim antara kakitangan dan pengurusan YS.
2. Menerangkan kepada kakitangan tentang status terkini operasi syarikat.
3. Menyediakan platform yang sangat baik untuk kakitangan bertanyakan secara langsung kepada pengurusan YS tentang sebarang persoalan yang timbul.

PROGRAM PENGAUDITAN DAN INTEGRITI SEPANJANG TAHUN 2020

Audit Prestasi


- ~ Pengauditan Pengurusan Pemberian Biasiswa Yayasan Selangor Tahun 2016-2018 (Bil.03/2019).
- ~ Pengauditan Bahagian Pembiayaan Pendidikan Yayasan Selangor Tahun 2017-2019 (Bil.01/2020).

Audit Susulan

- ~ Status Maklum Balas Laporan Pengauditan Pengurusan Kewangan Yayasan Selangor Tahun 2018 Indeks Akauntabiliti (Bil.01/2019).
- ~ Status Maklum Balas Laporan Pengauditan Kerja-Kerja Pembaikan Dan Penyelenggaraan Premis / Bangunan Yayasan Selangor Tahun 2016-2019 (Bil.02/2019).
- ~ Status Maklum Balas Laporan Pengauditan Pengurusan Pemberian Biasiswa Yayasan Selangor Tahun 2016-2018 (Bil.03/2019).
- ~ Status Maklum Balas Laporan Pengauditan Tadbir Urus Yayasan Selangor Oleh Jabatan Audit Negara Negeri Selangor (JANNS).

Pengauditan Khas

- ~ Audit Kenderaan Yayasan Selangor Tahun 2004-2020.
- ~ Audit Aset Yayasan Selangor Tahun 2000-2020.



PROGRAM PENGAUDITAN DAN INTEGRITI SEPANJANG TAHUN 2020

JAWATANKUASA PENGURUSAN RISIKO YAYASAN SELANGOR (JPRYS)

- ~ Pada 26 November 2019, Mesyuarat Jawatankuasa Audit Yayasan Selangor (JAYS) Bil. 02/2019 telah bersetuju untuk memperluaskan peranan dan tanggungjawab Jawatankuasa Audit Yayasan Selangor (JAYS) kepada Jawatankuasa Pengurusan Risiko Yayasan Selangor (JPRYS) yang terdiri daripada Audit Dalaman, Pengurusan Risiko dan Integriti.
- ~ Terdapat pertambahan bilangan ahli Jawatankuasa daripada tiga ahli kepada lima ahli dengan penambahan dua ahli panel bebas daripada wakil GLC Negeri Selangor dan ahli profesional untuk mendapatkan pandangan dan nasihat yang lebih bernas dan berkesan, di samping menjadikan perkhidmatan pengauditan lebih cekap dan berkesan.

Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Risiko Yayasan Selangor (JPRYS) Tahun 2020

Sepanjang tahun 2020, Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Risiko Yayasan Selangor (JPRYS) tidak dapat diadakan berikutan pandemik COVID-19 yang melanda dunia dan Malaysia khususnya di samping pelaksanaan pelbagai Perintah Kawalan Pergerakan yang dilaksanakan oleh Kerajaan Persekutuan pada tahun 2020.

PROGRAM PEMATUHAN DAN PENGUKUHAN INTEGRITI OLEH UNIT INTEGRITI


- ~ Bertindak sebagai pemerhati dalam Taklimat Tender projek solar bangunan Yayasan Selangor.
- ~ Bertindak sebagai pemerhati dalam proses melantik panel luar bagi penilaian dokumen tender projek solar bangunan Yayasan Selangor.
- ~ Menyediakan bahan grafik dan video kesedaran integriti warga kerja Yayasan Selangor untuk paparan di laman web Yayasan Selangor.
- ~ Mengadakan taklimat integriti dan peraturan yang perlu dipatuhi oleh Jawatankuasa Pembuka Peti bagi proses Pembukaan Peti Tawaran Kerja Perkhidmatan Kawalan Keselamatan (Tanpa Senjata) di Lot 10160, Bandar Kuala Selangor Seksyen 11, Daerah (D Dewan) Kuala Selangor bagi tempoh setahun (YS/P / SH09/2020) - 11 November 2020.
- ~ Mengadakan taklimat integriti Jawatankuasa Penilaian Proses Penilaian Pendaftaran Panel Peguam Yayasan Selangor bagi tempoh dua tahun (YS/P/SH06/2020) - 12 November 2020.
- ~ Mengadakan taklimat dan bertindak sebagai pemerhati bagi proses penilaian perkhidmatan perlindungan insurans Kakitangan Yayasan Selangor bagi tahun 2021 - 12 November 2020.

PROGRAM TAKLIMAT INTEGRITI DI BAHAGIAN & UNIT YAYASAN SELANGOR



PENYELARASAN PERKHIDMATAN KUALITI YAYASAN SELANGOR

STATISTIK SOP BERDAFTAR DENGAN SISTEM PENGURUSAN KUALITI MS ISO 9001:2015



Untuk Audit Pemantauan MS ISO 9001:2015 2020 yang dijadualkan pada April 2021, tiada prosedur tambahan dijalankan. Pengurusan Yayasan Selangor menasaskan untuk mendaftar semua prosedur dengan SPK menjelang 2023.

Berikut adalah Sijil MS ISO 9001: 2015 yang diperoleh oleh Yayasan Selangor.



STATISTIK PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP) YAYASAN SELANGOR

Jumlah keseluruhan Prosedur Operasi Standard (SOP) Yayasan Selangor melibatkan


16 BAHAGIAN/UNIT ADALAH SEBANYAK 157 SOP.

PENGURUSAN & PEMBANGUNAN HARTANAH


PENGURUSAN & PEMBANGUNAN HARTANAH MAPAN JANA DANA

Yayasan Selangor beroperasi dengan tidak mendapat apa-apa geran daripada kerajaan sebaliknya menjana dana sendiri menerusi pembangunan hartanah dan penyewaan aset. Antara aset tersebut adalah terdiri daripada Bangunan Komersial, Rumah-Rumah Kedai, Kediaman dan juga penyewaan kawasan Parkir. Dana yang diperolehi akan digunakan dalam membiayai program dan bantuan pendidikan.

Tahun 2020 adalah merupakan tahun yang amat sukar dan mencabar dari segi ekonomi di mana berlaku penguncupan pendapatan kepada Yayasan Selangor akibat pandemik Covid19 sepertimana yang turut dirasai di seluruh negara dan dunia. Walau bagaimanapun, usaha berterusan tetap dilaksanakan demi memastikan kesinambungan dana pendidikan tidak terjejas.



PENGURUSAN ASET



3 BANGUNAN KOMERSIAL

Menara Yayasan Selangor Petaling Jaya
 Bangunan Yayasan Selangor Kg. Baru
 Bangunan Yayasan Selangor Bukit Bintang

6 LOKASI RUMAH KEDAI

Pusat Perdagangan Dana 1 Subang
 Rumah Kedai Ampang Point
 Rumah Kedai Kayu Ara Damansara
 Rumah Kedai Jalan Stesen Klang
 Rumah Kedai Semenyih Sentral
 Rumah Kedai Pasar Moden Rawang

4 LOKASI KEDIAMAN

Kondominium University Tower Petaling Jaya
 Kondominium Templer Impian Rawang
 Semi D Taman Yayasan, Kuala Selangor
 Semi D Taman Melawati Jaya, Kuala Selangor

5



SETENGAH ABAD MENGUPAYA INSAN

Bab

KOMPILASI PERUTUSAN PENGERUSI

PETIKAN UCAPAN SEMPENA ULANGTAHUN JUBLI EMAS YAYASAN SELANGOR

Assalamualikum warahmatullahiwabarokahtu dan salam sejahtera

Alhamdulillah hari ini tahun 2020, Yayasan Selangor telah berusia 50 tahun.

Pertama sekali sudah pasti kita ucapkan tahniah dan syukur, dan penghargaan kepada pengasas Yayasan Selangor iaitu Menteri Besar ke - 8 Negeri Selangor Darul Ehsan, Dato' Seri Harun Idris yang telah mengasaskan serta menginspirasi penubuhan Yayasan Selangor, 50 tahun yang lalu.

Yayasan Selangor tidak lagi asing kepada rakyat Negeri Selangor khususnya sebagai wadah pembinaan program – program pendidikan di Negeri Selangor dengan program pendidikan diperingkat awal seperti asrama – asrama sehinggalah kepada mereka yang ingin melanjutkan ke bidang – bidang yang lebih tinggi ataupun ke institusi yang lebih tinggi dan kita telah melahirkan ramai tokoh pimpinan serta tokoh usahawan dan professional yang terdiri kalangan anak – anak Selangor Darul Ehsan.

Di usia 50 tahun ini dan menjengah untuk 50 dan 100 tahun ke hadapan sudah pasti Yayasan Selangor beradaptasi dengan perubahan agar dapat memenuhi cita – cita dan inspirasi kerajaan negeri untuk mencapai cita – cita sebagai Premier Smart State menjelang tahun 2025.

Justeru seruan saya kepada seluruh warga Yayasan Selangor baik pekerja, alumni dan mereka – mereka yang menjadi keluarga besar Yayasan Selangor untuk sama – sama komited membangunkan Yayasan Selangor untuk 50 tahun ke hadapan merentasi cabaran – cabaran dan dugaan mendatang termasuk memenuhi impian – impian yang telah digariskan oleh pihak Kerajaan Negeri.

Segala perubahan yang kita lakukan haruslah mengekalkan urustadbir cemerlang dan baik serta telus dan juga memastikan hasil sumber yang diamanahkan kepada Yayasan Selangor dapat diteruskan dengan kaedah yang praktikal. Kita mesti meneruskan cita-cita yang telah diilhamkan 50 tahun lalu untuk melihat Negeri Selangor melahirkan sumber manusia berkaliber dan mewujudkan warga serta masyarakat yang makmur.

**Selamat ulang tahun kelima puluh,
Yayasan Selangor.**



Y.A.B. Dato' Seri Amirudin Shari
Dato' Menteri Besar Selangor
Merangkap Pengerusi Yayasan Selangor

SETENGAH ABAD MENGUPAYA INSAN



**“Lima Dekad Menabur Bakti,
Menyemai Pendidikan Unggul,
Beriltizam Mengupaya Insan,
Bertekad Merealisisasi Wawasan”**

*Ulangtahun Ke-50 Penubuhan
Yayasan Selangor, 5 November 2020*



Y.A.B DATO' SERI AMIRUDIN BIN SHARI
Dato' Menteri Besar Selangor
Merangkap
Pengerusi Lembaga
Pemegang Amanah Yayasan Selangor



Alahyarham
Dato' Seri Haji Harun Idris
PENGASAS YAYASAN SELANGOR



www.yayasanlangor.org.my



SEKALUNG PERHARGAAN DAN TERIMA KASIH KEPADA SEMUA PENGASAS, AHLI-AHLI LEMBAGA PEMEGANG AMANAH DAN SEMUA YANG TELAH BERKHIDMAT DAN MENYOKONG YAYASAN SELANGOR SELAMA 50 TAHUN”

Eddie Ahmad Khodzali
Ketua Pegawai Eksekutif
Yayasan Selangor



SETENGAH ABAD MEREALISASI WAWASAN

4 TOKOH ALUMNI YAYASAN SELANGOR

1**YBHG. DATO' DR. MOHD JAMIL BIN MAAH****ASRAMA:**

Asrama Dr. Latiff

SEKOLAH:

Victoria Institution

PENCAPAIAN:

- ~ Timbalan Naib Canselor, University Malaya
- ~ Pengarah, Pusat Asasi Sains, University Malaya

"Saya adalah antara batch pertama Yayasan Selangor. Saya dulu menginap di Asrama Dr. Latiff di Jalan Persiaran Gurney. Saya bersekolah di Victoria Institution (VI). Nasihat saya kepada pelajar, belajar bersungguh-sungguh dan menikmati pemberian yang diberi oleh Yayasan Selangor."

**2****YBHG. DATO' HASAN AZHARI HJ. IDRIS****ASRAMA:**

Asrama Dr. Latiff

SEKOLAH:

SMK (L) Bukit Bintang

PENCAPAIAN:

- ~ Ketua Pegawai Eksekutif, Invest Selangor Berhad

"Yayasan Selangor telah banyak memberi peluang kepada anak-anak negeri Selangor melanjutkan pelajaran di sekolah-sekolah terpilih."



3

SR. MOHD SALEM KAILANY

ASRAMA:

Asrama Tun Dr. Ismail

SEKOLAH:

St. John's Institution

PENCAPAIAN:

~ Ketua Pegawai Eksekutif, UDA Holdings Bhd.

*"Saya adalah penerima biasiswa Yayasan Selangor dan Alhamdulillah masa SRP saya dapat *8A dan saya dapat bantuan dermasiswa selepas itu. Asrama Yayasan Selangor membentuk sahsiah diri dan juga ciri-ciri yang baik untuk saya maju ke depan."*



4

DR. ROSNAH RAMLY

ASRAMA:

Asrama Toh Puan Norashikin

SEKOLAH:

SMK Convent Bukit Nanas

PENCAPAIAN:

~ Pakar Perubatan Kesihatan Awam dan Ketua Sektor Diabetes/Kardiovaskular/Kanser dan Intervensi Komuniti, Bahagian Kawalan Penyakit, Kementerian Kesihatan Malaysia

